Dato' Mohd Zubir bin Embong lwn Datuk Hj Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim

MAHKAMAH TINGGI (KUALA TERENGGANU) — PETISYEN PILIHAN RAYA NO TA-26PP-2–01 TAHUN 2023
MOHD FIRUZ H
27 JUN 2023

Pilihan Raya — Pembatalan pemilihan — Alasan-alasan — Penyogokan dan penjamuan — Dakwaan bahawa calon pilihan raya secara sendiri atau melalui ejen-ejen telah melakukan penyogokan dan penjamuan — Sama ada calon pilihan raya atau ejennya telah memberikan rasuah kepada pengundi yang mengundi — Sama ada rasuah diberikan bagi tujuan untuk mempengaruhi pengundi-pengundi untuk mengundi calon pilihan raya — Sama ada rasuah diberikan oleh ejen calon pilihan raya dengan pengetahuan ataupun kebenaran calon — Sama ada terdapat penjamuan dan pemberian wang kepada pengundi-pengundi berdaftar — Sama ada penjamuan dan pemberian wang adalah bagi tujuan meraih undi — Sama ada calon pilihan raya mempunyai pengetahuan berhubung penjamuan dan pemberian wang — Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 ss 8, 10(a), (b), (c), (e), 11(1)(b), 32(a), (c) & 36(1)

Pihak-pihak dalam kes ini merupakan calon-calon Pilihan Raya Umum ke-15 ('PRU-15') bagi Kawasan Parlimen Kuala Terengganu ('Parlimen KT'). Setelah tamat proses pengundian, responden yang menerima jumlah undian tertinggi telah diisytiharkan sebagai ahli Parlimen Kuala Terengganu ('keputusan pilihan raya tersebut'). Pempetisyen tidak berpuas hati dengan keputusan pilihan raya tersebut dan mendakwa bahawa terdapat kesalahan penyogokan, rasuah dan penjamuan seperti yang dinyatakan di bawah ss 8, 10(a), (b), (e), dan 32(a) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 ('Akta 5') yang dilakukan oleh responden secara sendiri dan/atau melalui ejen-ejennya yang mana jika didapati bersalah boleh dihukum di bawah s 11(1)(b) Akta 5. Oleh itu, pempetisyen telah memfailkan petisyen pilihan raya semasa untuk memohon supaya mahkamah memberikan: (a) perintah bahawa responden telah tidak dipilih atau dilapor dipilih dengan sewajarnya pada 19 November 2022 bagi Pilihan Raya Kuala Terengganu semasa PRU-15; (b) perintah bahawa keputusan pilihan raya tersebut adalah tidak sah dan terbatal; (c) perintah atau relif yang lain yang dianggap adil dan suai manfaat oleh mahkamah; dan (d) kos. Terdapat lima kategori pertuduhan penyogokan dan rasuah dalam petisyen semasa iaitu: (i) penjamuan yang dianjurkan oleh beberapa ejen responden kepada pengundi-pengundi di dalam Parlimen KT semasa majlis makan malam Deepavali di Hotel Sumai Kuala Terengganu pada 13 November 2022 ('majlis makan malam tersebut'); dan (ii) penyogokan oleh beberapa ejen responden kepada pengundi-pengundi berdaftar di Parlimen

KT: (A) di PASTI Al Huda Jalan Sultan Sulaiman; (B) berhampiran SK Gong Tok Nasek; (C) berhampiran SK Pusat Kuala Ibai pada 19 November 2022; dan (D) melalui bantuan i-Belia dan i-Siswa di beberapa majlis pengagihan i-Belia dan i-Siswa bermula 14 November 2022 sehingga 18 November 2022 — berkaitan dengan dakwaan ini, pempetisyen bergantung kepada keterangan penerima-penerima wang iaitu SP8, SP9 dan SP10, dan juga ejen-ejen responden iaitu SP11, SP12, SP13 dan SP14. Responden menafikan dakwaan-dakwaan pempetisyen dan berhujah bahawa: (1) terdapat lompang dalam keterangan yang dikemukakan berdasarkan kegagalan pempetisyen memberikan keterangan yang menyebabkan mustahil baginya untuk memenuhi beban membuktikan kes ini ke tahap melampaui keragauan yang munasabah; (2) program-program i-Belia dan i-Siswa tersebut yang merupakan program rasmi Kerajaan Negeri Terengganu yang sah bukanlah satu subjek sogokan atau rasuah pilihan raya dalam konteks Akta 5 dan responden tidak terlibat langsung dalam penganjuran program-program tersebut; (3) majlis makan malam tersebut adalah majlis tahunan Kerajaan Negeri Terengganu bagi menghargai penganut-penganut agama Hindu di samping memberikan dana sumbangan kepada pihak yang berkenaan; (4) Kerajaan Negeri Terengganu tidak boleh dikategorikan sebagai termasuk dalam definisi 'every person' sepertimana yang diperuntukkan di bawah ss 10(a), (c) dan 11(1)(b) Akta 5, memandangkan peruntukan-peruntukan tersebut hanya terpakai kepada individu yang merupakan orang perseorangan sahaja; (5) tidak terdapat bukti bahawa individu-individu yang dikatakan terlibat dalam pemberian wang kepada orang awam tersebut telah dilantik sebagai ejen responden; dan (6) pempetisyen telah gagal membuktikan elemen niat dan elemen janji yang mempengaruhi daripada pihak yang memberi rasuah/wang sogokan.

Diputuskan:

(1) Sesuatu petisyen pilihan raya yang berasaskan dakwaan bersifat jenayah, memerlukan pempetisyen membuktikan dakwaan serta alegasi yang diperincikan pada tahap melampaui keraguan munasabah. Berdasarkan ss 10 dan 32(c) Akta 5 dan juga prinsip yang digariskan di dalam kes *Manogaran Marimuthu v Sivaraj a/l Chandran* [2018] MLJU 1973, elemen-elemen berikut mesti dibuktikan oleh pempetisyen: (a) bahawa responden sama ada secara peribadi ataupun melalui ejennya telah memberikan rasuah kepada pengundi yang mengundi di dalam Parlimen KT (rujuk s 10(a) Akta 5); (b) bahawa rasuah tersebut diberikan bagi tujuan untuk mempengaruhi pengundi-pengundi yang terlibat untuk mengundi responden bagi Parlimen KT (rujuk s 10(c) Akta 5); atau (c) bahawa rasuah tersebut diberikan oleh ejen responden dengan pengetahuan ataupun kebenaran responden (rujuk s 10(e) Akta 5). Selain itu, tidak ada keperluan untuk membuktikan bahawa janji untuk memberikan wang ataupun pemberian wang sendiri mempengaruhi

penerima wang. Apa yang penting adalah fakta pengundi telah didorong untuk mengundi (rujuk s 10(a) Akta 5), dalam kes ini untuk parti PAS dan responden. Sama ada penerima wang mengundi mengikut kehendak pemberi bukan merupakan apa yang perlu dibuktikan mahupun diambil kira oleh mahkamah (lihat perenggan 51, 55 & 72).

(2) Berhubung dengan pengertian 'ejen', mahkamah berpandangan bahawa ahli-ahli sesuatu parti politik yang mempunyai matlamat bersama ('common interest') untuk memenangkan seseorang calon di dalam pilihan raya boleh dikatakan sebagai ejen kepada calon yang bertanding di pilihan raya berkenaan. Dalam kes ini, ahli-ahli parti PAS yang terlibat dan dikenal pasti boleh dikategorikan sebagai ejen kepada responden. Malahan dalam kes ini, keterangan *viva voce* telah dipanggil untuk menunjukkan hubung kait ahli-ahli tertinggi PAS Kawasan Kuala Terengganu yang berkenaan dengan responden (lihat perenggan 53 & 71).

(3) Berkaitan dengan penjamuan di Hotel Sumai, Kuala Terengganu pada 13 November 2022, berdasarkan keterangan yang telah dikemukakan, mahkamah berpuas hati bahawa pempetisyen telah membuktikan bahawa: (a) telah terdapat penjamuan (rujuk s 8 Akta 5) dan pemberian wang di majlis tersebut kepada pengundi-pengundi berdaftar; (b) penjamuan dan pemberian wang tersebut adalah bagi tujuan meraih undi, malahan, responden sendiri telah berkempen di majlis ini; dan (c) responden mempunyai pengetahuan berhubung penjamuan dan pemberian wang tersebut. Mahkamah juga berpuas hati bahawa ejen yang dikatakan melakukan pemberian rasuah dan jamuan telah dikenal pasti dan dibuktikan. Selain itu, tidak terdapat apa-apa bukti bahawa majlis ini merupakan satu program rasmi kerajaan (lihat perenggan 61–62 & 69).

(4) Bagi dakwaan-dakwaan penyogokan di PASTI Al-Huda, SK Gong Tok Nasek dan SK Pusat Kuala Ibai, walaupun terdapat keterangan yang menunjukkan terdapatnya pemberian wang berunsur rasuah bagi tujuan mempengaruhi undi pengundi-pengundi, namun mahkamah mendapati bahawa identiti individu-individu yang didakwa merupakan ejen kepada responden adalah samar memandangkan, identiti ejen-ejen ini tidak dibuktikan dengan sewajarnya. Oleh itu, mahkamah mendapati bahawa dakwaan rasuah di ketiga-tiga pusat mengundi yang dinamakan ini tidak dibuktikan (lihat perenggan 63).

(5) Berhubung dengan dakwaan penyogokan melalui bantuan i-Belia dan i-Siswa tersebut, mahkamah berpuas hati bahawa: (a) terdapat pemberian wang kepada pengundi-pengundi berdaftar dan fakta ini telah dibuktikan melalui keterangan penerima-penerima wang iaitu SP8, SP9, SP10 dan juga ejen-ejen responden iaitu SP11, SP12, SP13 dan SP14; (b) berdasarkan keterangan, pemberian wang tersebut adalah bagi

tujuan memancing dan/atau mempengaruhi pengundi-pengundi berdaftar untuk memilih calon parti PAS iaitu responden; (c) walaupun majlis-majlis berkenaan merupakan majlis rasmi Kerajaan Negeri Terengganu dan wang yang diberikan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu, ianya telah dihulurkan semasa tempoh berkempen dan juga digunakan bagi tujuan meraih undi; dan (d) tidak ada apa-apa dokumen yang menunjukkan bilakah tarikh akhir wang i-Belia dan i-Siswa perlu dibayar sebelum akaun Perbendaharaan Negeri Terengganu ditutup yang memestikan ianya dibayar pada tarikh ketika tempoh berkempen. Oleh itu, mahkamah merumuskan bahawa program i-Belia dan i-Siswa yang telah dijalankan semasa tempoh berkempen PRU ke-15, adalah satu usahasama untuk membantu responden memenangi kerusi Parlimen Kuala Terengganu melalui sogokan (lihat perenggan 65 & 68).

(6) Mahkamah mendapati bahawa tidak ada keperluan untuk pempetisyen dipanggil. Naratif kes pempetisyen adalah jelas. Tambahan pula, fakta kes menunjukkan bahawa pempetisyen tidak berada di tempat-tempat kejadian yang dinyatakan. Dalam keadaan yang sedemikian, mana mungkin pempetisyen memberi keterangan yang bersifat dengar cakap (lihat perenggan 67).

(7) Mahkamah tidak bersetuju dengan hujah responden bahawa Kerajaan Negeri Terengganu tidak boleh dikategorikan sebagai termasuk dalam definisi 'every person' di bawah ss 10(a), (c) dan 11(b) Akta 5. Ini kerana hujah tersebut gagal mengambil kira bahawa Kerajaan Negeri Terengganu tidak boleh bertindak secara sendiri tetapi melalui individu-individu seperti SP11, SP12, SP13 dan SP14 (lihat perenggan 70).

(8) Berdasarkan dapatan-dapatan di atas, mahkamah berpuas hati bahawa pempetisyen telah membuktikan melampaui batas keraguan munasabah kesalahan rasuah di bawah s 10(a), (c) dan (e) Akta 5. Maka, mahkamah mendapati bahawa perbuatan rasuah telah dilakukan di bawah s 32(a) dan (c) Akta 5. Oleh yang demikian, bertepatan dengan s 36(1) Akta 5, mahkamah mengisytiharkan bahawa pilihan raya bagi Parlimen Bahagian Kuala Terengganu (P.036) yang dijalankan pada 19 November 2022 adalah tidak sah dan terbatal. Seterusnya, mahkamah akan memperakukan keputusan petisyen ini kepada Suruhanjaya Pilihan Raya dan melaporkan bahawa perbuatan rasuah telah berlaku dengan pengetahuan responden bagi tujuan untuk mempengaruhi para pengundi untuk mengundi. Sungguhpun begitu, mahkamah tidak akan menyarankan supaya responden dihalang daripada menjadi calon atau pengundi untuk apa-apa tempoh berdasarkan fakta bahawa tidak terdapat apa-apa bukti yang menunjukkan bahawa wang rasuah yang terlibat adalah datang daripada responden sendiri. Mahkamah juga

memutuskan bahawa kos yang wajar bagi tindakan ini adalah sebanyak RM50,000 tertakluk kepada alokatur (lihat perenggan 74–77).

[English summary

The parties in this case were candidates for the 15th General Election ('GE-15') for the Kuala Terengganu Parliamentary Constituency ('KT Parliament'). After the end of the voting process, the respondent who received the highest number of votes was declared as a member of the Parliament of Kuala Terengganu ('the election result'). The petitioner was not satisfied with the election result and claimed that there was an offence of bribery, corruption and treating as stated under ss 8, 10(a), (b), (e), and 32(a) of the Election Offences Act 1954 ('Act 5') committed by the respondent by himself and/or through his agents which if found guilty could be punished under s 11(1)(b) of Act 5. Therefore, the petitioner had filed the present election petition for the court to grant: (a) an order that the respondent was not duly elected or ought not to have been returned on 19 November 2022 for the Kuala Terengganu Election during GE-15; (b) an order that the election result was invalid and void; (c) order or other relief deemed just and expedient by the court; and (d) cost. There were five categories of bribery and corruption charges in the current petition, namely: (i) the treating organised by some of the respondent's agents for voters in the KT Parliament during the Deepavali dinner at Sumai Hotel Kuala Terengganu on 13 November 2022 ('the dinner'); and (ii) bribery by some of the respondent's agents to the registered voters in the KT Parliament: (A) at PASTI Al Huda Jalan Sultan Sulaiman; (B) near SK Gong Tok Nasek; (C) near SK Pusat Kuala Ibai on 19 November 2022; and (D) via contributions known as i-Belia and i-Siswa at several i-Belia and i-Siswa distribution events from 14 November 2022 until 18 November 2022 — in relation to this allegation, the petitioner relied on the testimony of the recipients of the money, namely SP8, SP9 and SP10, and also the respondent's agents namely SP11, SP12, SP13 and SP14. The respondent denied the petitioner's allegations and argued that: (1) there were gaps in the evidence presented based on the petitioner's failure to provide evidence which made it impossible for him to meet the burden of proving this case beyond reasonable doubt; (2) the i-Belia and i-Siswa programs which were valid official programs of the Terengganu State Government were not election bribery or corruption in the context of Act 5 and the respondent was not directly involved in organising the programs; (3) the dinner was an annual function of the Terengganu State Government to appreciate the followers of the Hindu religion in addition to providing funds to the parties concerned; (4) The State Government of Terengganu could not be categorised under the definition of 'every person' as provided under ss 10(a), (c) and 11(1)(b) of Act 5, since those provisions were only applicable to an individual only; (5) there was no evidence that the individuals that were said to be involved in giving money to the public had been appointed as agents of the respondent; and (6) the petitioner had failed to prove the element of intention and the element of influencing promise from

the party who gave the bribe/inducement. A

Held:

(1) An election petition based on criminal allegations required the petitioner to prove the allegations and the detailed assertions beyond a reasonable doubt. Based on ss 10 and 32(c) of Act 5 and also the principle outlined in the case of *Manogaran Marimuthu v Sivaraj a/l Chandran* [2018] MLJU 1973, the following elements must be proved by the petitioner: (a) that the respondent either by himself or through his agent had given bribes to voters who voted in the KT Parliament (refer to s 10(a) of Act 5); (b) that the bribes were given for the purpose of influencing the voters involved to vote for the respondent for the KT Parliament (refer to s 10(c) of Act 5); or (c) that the bribes were given by the respondent's agent with the respondent's knowledge or consent (refer to s 10(e) of Act 5). In addition, there was no need to prove that the promise to give money or the giving of money itself influenced the recipient of the money. What was important was the fact that voters had been induced to vote (refer to s 10(a) of Act 5), in this case for the PAS party and the respondent. Whether the recipient of the money voted according to the wish of the giver was not what needed to be proven nor taken into account by the court (see paras 51, 55 & 72). B C D E

(2) In relation to the definition of 'agent', the court was of the view that members of a political party who had a common goal ('common interest') to make a candidate as a winner in an election could be said to be an agent of the candidate who was contesting in the election. In this case, the PAS party's members who were involved and had been identified could be categorised as agents of the respondent. In fact, in this case, viva voce testimony had been called to show the relationship between the said committee members of PAS Kuala Terengganu Region with the respondent (see paras 53 & 71). F G

(3) In relation to the treating at Hotel Sumai, Kuala Terengganu on 13 November 2022, based on the evidence that had been presented, the court was satisfied that the petitioner had proven that: (a) there was a treating (refer to s 8 of Act 5) and the giving of money at the said event to the registered voters; (b) the treating and giving of the money were for the purpose of gaining votes, in fact, the respondent himself had campaigned at this event; and (c) the respondent had knowledge regarding the treating and giving of the money. The court was also satisfied that the agents who were said to have given the bribes and treats had been identified and proven. Moreover, there was no evidence that this event was an official government program (see paras 61–62 & 69). H I

(4) Regarding the allegations of bribery in PASTI Al-Huda, SK Gong Tok Nasek and SK Pusat Kuala Ibai, although there were evidence showing

A the giving of bribe for the purpose of influencing voters' votes, the court found that the identities of the individuals who alleged to be agents of the respondent were ambiguous considering that the identities of these agents had not been properly proven. Therefore, the court found that the allegations of bribery in the three polling stations were not proven (see B para 63).

(5) In relation to the allegation of bribery via the i-Belia and i-Siswa contributions, the court was satisfied that: (a) money was given to the registered voters and this fact had been proven via the testimony of the C recipients of the money namely SP8, SP9, SP10And also the respondent's agents namely SP11, SP12, SP13 and SP14; (b) based on the evidence, the giving of the money was for the purpose of luring and/or influencing registered voters to choose the PAS party's candidate, namely the respondent; (c) even though the events in question were official events of D the Terengganu State Government and the money given had been approved by the Terengganu State Executive Council, it was handed out during the campaign period and also used for the purpose of gaining votes; and (d) there was no document showing the deadline for the payment of the i-Belia and i-Siswa before the close of the Terengganu E State Treasury account which required it to be paid on the date during the campaign period. Therefore, the court concluded that the i-Belia and i-Siswa programs that were carried out during the GE-15 campaign period, were a joint venture to help the respondent win the Kuala Terengganu parliamentary seat through bribery (see paras 65 & 68).

F (6) The court found that there was no need for the petitioner to be called. The narrative of the petitioner's case was clear. Further, the facts of the case showed that the petitioner was not present at the said places of occurrence. In such circumstances, it was not possible for the petitioner to give hearsay evidence (see para 67).

G (7) The court did not agree with the respondent's argument that the Terengganu State Government could not be categorised under the definition of 'every person' under ss 10(a), (c) and 11(b) of Act 5. This was because the said argument failed to take into account that the H Terengganu State Government could not act on its own but through individuals such as SP11, SP12, SP13 and SP14 (see para 70).

(8) Based on the above findings, the court was satisfied that the petitioner had proven beyond reasonable doubt the offence of bribery under s 10(a), (c) and (e) of Act 5. Hence, the court found that the act of bribery had I been committed under s 32(a) and (c) of Act 5. Therefore, in accordance with s 36(1) of Act 5, the court declared that the election for the Kuala Terengganu Parliamentary constituency (P.036) conducted on 19 November 2022 was invalid and void. Further, the court would certify

the results of this petition to the Election Commission and report that the act of bribery had occurred with the knowledge of the respondents for the purpose of influencing the voters to vote. Even so, the court would not suggest that the respondent be barred from being a candidate or voter for any period based on the fact that there was no evidence to show that the bribe money involved came from the respondent himself. The court also ruled that the reasonable cost of this action was RM50,000 subject to allocator (see paras 74–77).]

Kes-kes yang dirujuk

Ali Amberan v Tunku Abdullah [1970] 2 MLJ 15b; [1969] 1 LNS 6 (diikut)
Audrey Karen Barry v Datuk Dr Yee Moh Chai [2009] 3 MLJ 141; [2010] 3 CLJ 660, MP (dirujuk)
Gurdial Singh Nijar v KS Balakrishnan [1993] 2 CLJ 75, MT (dirujuk)
Jaafar bin Shaari & Anor (suing as administrators of the estate of Shofiah bte Ahmad, deceased) v Tan Lip Eng & Anor [1997] 3 MLJ 693; [1997] 4 CLJ 509, MA (dirujuk)
Manogaran Marimuthu v Sivaraj a/l Chandran [2018] MLJU 1973; [2018] 1 LNS 2062, MT (diikut)
Ti Chuee Hiang v PP [1995] 2 MLJ 433, MA (dirujuk)
Takako Sakao (f) v Ng Pek Yuen (f) & Anor [2009] 6 MLJ 751; [2010] 1 CLJ 381, MP (dirujuk)
Ustaz Akmal bin Hj Kamaruddin v Dato Mohamad Daud bin Mohd Yusoff & Anor [2014] 9 MLJ 841; [2013] 9 CLJ 924, MT (dirujuk)
Wan Sagar bin Wan Embong v Harun bin Taib [2008] 6 MLJ 473; [2019] 1 CLJ 457, MP (dibeza)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 ss 8, 10, 10(a), (c), (e), 11(1)(b), 32, 32(a), (c), 36(1)
Akta Keterangan 1950 s 60

Mohd Hafarizam bin Harun (Abu Bakar Isa Ramat, Intan Azlina bt Mazlan, Mohamed Baharudeen bin Mohamed Ariff, Muhammad Amin bin Othman, Norhazira bt Abu Haiyan, Hayder Amin bin Mohd Yazid dan Nur Adilah bersamanya) (Hafarizam Wan & Aisha Mubarak) bagi pihak pempetisyen.
Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim (Takiyuddin bin Hassan, Wan Rohimi bin Wan Daud, Mohd Faizi bin Che Abu, Yusfarizal bin Yusoff, Saifuddin bin Othman dan Mohd Nasir bin Embong bersamanya) (Wan Abd Muttalib & Co) bagi pihak responden.

Mohd Firuz H:

[1] Perbicaraan bagi tindakan ini telah berjalan selama sembilan hari, yakni daripada 3 April 2023, 4 April 2023, 5 April 2023, 10 April 2023, 11 April

2023, 12 April 2023, 15 May 2023, 16 May 2023 dan 17 May 2023. Semasa perbicaraan berlangsung, seramai 18 orang saksi telah dipanggil: 15 di pihak pempetisyen, dan tiga daripada pihak responden.

RINGKASAN LATAR BELAKANG PETISYEN

[2] Pada 5 November 2022, penama-penama berikut telah diterima sebagai calon untuk bertanding di Kawasan Parlimen P.036 Kuala Terengganu, bagi tujuan Pilihan Raya Umum ke-15 yang telah berlangsung pada 19 November 2022:

	Calon	Parti Politik
(a)	MOHAMAD ABU BAKAR BIN MUDA Nama dicetak pada kertas undi sebagai 'MOHAMAD ABU BAKAR BIN MUDA' ('Abu Bakar')	Parti Pejuang Tanah Air ('PEJUANG')
(b)	DATO' MOHD ZUBIR BIN EMBONG Nama dicetak pada kertas undi sebagai 'DATO' CIKGU ZUBIR' ('pempetisyen')	Barisan Nasional of Malaysia ('BN')
(c)	DATO' RAJA BAHRIN Nama dicetak pada kertas undi sebagai 'DATO' RAJA BAHRIN' ('Dato' Raja Bahrin')	Pakatan Harapan ('PH')
(d)	DATUK HJ AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM Nama dicetak pada kertas undi sebagai 'DATUK HAJI AMZAD HASHIM' ('responden')	Parti Islam Se Malaysia ('PAS')

[3] Setelah proses pengundian selesai pada hari mengundi, responden telah diisythiharkan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya sebagai calon yang mendapat bilangan undi yang terbanyak dan sebagai telah dipilih sebagi ahli Parlimen Kuala Terengganu:

A	Jumlah Pemilih	123,305
B	Jumlah kertas undi yang dikeluarkan dalam pengundian (seperti di A dalam semua Borang 14 + A dalam Borang 15)	97,605
C	Bilangan undian oleh pemilih bagi setiap calon yang bertanding:	

	Nama Calon	Nama Parti Politik/ Bebas	Bilangan
1	MOHAMAD ABU BAKAR BIN MUDA	PEJUANG	481
2	DATO' CIKGU ZUBIR	BN	22,109
3	DATO' RAJA BAHRIN	PH	10,946
4	DATUK HJ AMZAD HASHIM	PAS	63,016
	Jumlah undian oleh pemilih		96,552

D	Jumlah kertas undi yang ditolak (seperti di C dalam semua Borang 14 + C dalam Borang 15)	767
E	Bilangan kertas undi yang dikeluarkan tetapi tidak dimasukkan ke dalam peti undi (seperti di D dalam semua Borang 14) dan tidak dikembalikan) (seperti di D dalam Borang 15) (B-C-D)	286
F	Peratus pengundian (B/A x 100)	79.16%
G	Majoriti (undi tertinggi — undi kedua tertinggi)	40,907

[4] Pempetisyen yang merupakan salah seorang calon yang bertanding bagi Parlimen P.036 Kuala Terengganu ('Parlimen KT') tidak berpuas hati dengan keputusan pilihan raya tersebut. Pempetisyen mendakwa bahawa terdapat kesalahan penyogokan, rasuah dan penjamuan yang dilakukan oleh responden secara sendiri dan/atau melalui ejen-ejennya.

[5] Pempetisyen seterusnya telah memfailkan petisyen ini berasaskan dakwaan penyogokan dan rasuah sepertimana yang termaktub di bawah s 32 AKPR yang memperuntukkan seperti berikut:

> 32 Pembatalan pemilihan atas petisyen pilihan raya
>
> Pemilihan seseorang calon dalam mana-mana pilihan raya hendaklah diisytiharkan sebagai batal atas suatu petisyen pilihan raya atas mana-mana daripada alasan yang berikut sahaja yang boleh dibuktikan dengan memuaskan hati Hakim Pilihan Raya:
>
> (a) *bahawa penyogokan, penjamuan atau intimidasi secara am telah berlaku sebegitu berleluasa sehingga ia boleh dijangkakan dengan semunasabahnya telah menyentuh keputusan pilihan raya itu*;
>
> (b) ...
>
> (c) *bahawa sesuatu perbuatan rasuah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang telah dilakukan berkaitan dengan pilihan raya itu oleh calon*

itu atau dengan pengetahuan atau persetujuannya, atau oleh mana-mana ejen calon itu;

[6] Perbuatan penyogokan, penjamuan dan/atau rasuah tersebut, merupakan kesalahan di bawah s 32(a) dan (c) Akta Kesalahan Pilihan Raya yang dibaca bersama ss 8 dan 10(a), 10(b) dan/atau 10(e). Sabitan terhadap kesalahan, sesorang yang didapati bersalah boleh dihukum di bawah s 11(1)(b) Akta yang sama.

[7] Melalui petisyen ini, pempetisyen memohon supaya mahkamah yang mulia ini memberikan perintah:

(a) bahawa Datuk Hj Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim telah tidak dipilih atau dilapor dipilih dengan sewajarnya pada 19 November 2022 bagi Pilihan Raya Kuala Terengganu (P.036) semasa PRU-15;

(b) keputusan pilihan raya bagi Bahagian Pilihan Raya Kuala Terengganu (P.036) pada 19 November 2022 adalah tidak sah dan terbatal;

(c) perintah atau relif yang lain yang dianggap adil dan suai manfaat oleh mahkamah yang mulia ini; dan

(d) kos.

RINGKASAN KES PEMPETISYEN

[8] Petisyen in terbahagi kepada lima kategori pertuduhan penyogokan dan rasuah:

(a) penjamuan yang dianjurkan oleh beberapa ejen responden kepada pengundi-pengundi di dalam Parlimen Kuala Terengganu ('Parlimen KT') semasa Majlis Makan malam Deepavali di Hotel Sumai Kuala Terengganu pada 13 November 2022;

(b) penyogokan oleh beberapa ejen responden di PASTI Al Huda Jalan Sultan Sulaiman kepada pengundi-pengundi berdaftar di Parlimen KT;

(c) penyogokan oleh beberapa ejen responden berhampiran SK Gong Tok Nasek kepada pengundi-pengundi berdaftar di dalam Parlimen KT; dan

(d) penyogokan oleh beberapa ejen responden berhampiran SK Pusat Kuala Ibai kepada pengundi-pengundi berdaftar di dalam Parlimen KT pada 19 November 2022; dan

(e) penyogokan oleh beberapa ejen responden melalui bantuan i-Belia dan i-Siswa di beberpa majlis pengagihan i-Belia dan i-Siswa di dalam Parlimen KT bermula 14 November 2022 sehingga 18 November 2022.

RINGKASAN KETERANGAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PEMPETISYEN

Penjamuan di Hotel Sumai, Kuala Terengganu pada 13 November 2022 melalui Majlis Makan Malam Deepavali

[9] Pempetisyen telah memanggil tiga orang saksi berhubung dakwaan ini iaitu:

(a) Jagatheeswary a/p Vettiveli (SP6);

(b) Sadrasagar a/l Arumugam (SP7); dan

(c) Dr Balachandran a/l Gopal Krishnan (SP15); dan

[10] SP15 telah memberi keterangan bahawa Majlis Deepavali tersebut telah dianjurkan dan diselaraskan oleh Dr Balachandran (SP15) bersama dengan YB Mohd Hanafiah (rujuk ms 256 nota keterangan):

SP15: Majlis tu diselaraskan oleh saya dan YB Hanafiah.

P/P: Dr hadir atas kapasiti apa?

SP15: Pegawai Khas Menteri Besar.

P/P: Penganjur dia adalah?

SP15: Pejabat Menteri Besar. Actually penganjur dia exco perpaduan dengan kerjasama pejabat MB.

[11] Adalah merupakan keterangan SP6 bahawa:

(a) responden telah berucap di majlis tersebut;

(b) di dalam ucapan tersebut, responden telah meraih sokongan pengundi-pengundi berdaftar untuk mengundi beliau;

(c) terdapat pemberian wang tunai RM200 oleh YB Hanafiah kepada beberapa pengundi-pengundi berdaftar termasuk SP6 sendiri (rujuk gambar P15); dan

(d) ketika wang tersebut diberikan, responden sememangnya hadir dalam majlis.

[12] Melalui SP6, gambar serta rakaman video ucapan responden juga telah dikemukakan yang mana telah ditandakan seperti berikut:

(a) rakaman video ucapan responden: P14; dan

(b) transkrip rakaman video responden: P14A.

[13] SP15 pula telah mengesahkan bahawa:

(a) terdapat ramai pengundi berdaftar yang hadir di majlis tersebut; dan

(b) lebih 20 orang telah diberikan wang RM200 sebagi bantuan.

Penyogokan di PASTI Al-Huda, Jalan Sulaiman pada 19 November 2022

[14] Bagi dakwaan ini, pempetisyen telah mengemukakan tiga orang saksi iaitu:

(a) Siti Amira Balqis bt Rosman (SP1);

(b) Rosniwati bt Md Yusof (SP2); dan

(c) Hasnah bt Awang Teh (SP3).

[15] Ringkasan keterangan ketiga-tiga saksi ini adalah seperti berikut:

(a) SP1 adalah anak kepada SP2;

(b) SP3 pula adalah anak kepada SP2;

(c) SP1, SP2 dan SP3 adalah pengundi berdaftar di dalam Parlimen KT dan telah mengundi di lokaliti SMA Zainal Abidin Ladang;

(d) mereka telah pergi ke SMA Zainal Abidin Ladang pada hari mengundi 19 November 2022 jam lebih kurang jam 11 pagi;

(e) semasa dalam perjalanan ke pusat mengundi di SMA Zainal Abidin Ladang, mereka telah dipanggil oleh seorang individu berpakaian jubah labuh di sebuah khemah parti PAS yang terletak lebih kurang 50 meter dari pintu masuk SMA Sultan Zainal Abidin Ladang ('Khemah PAS di depan SMA Sultan Zainal Abidin Ladang');

(f) wanita berjubah labuh tersebut telah bertanya sama ada mereka adalah pengundi berdaftar di dalam Parlimen KT;

(g) wanita berjubah labuh tersebut telah memberikan arahan kepada mereka untuk mengundi 'kotak bawah' iaitu ruangan calon PAS (responden);

(h) wanita berjubah labuh tersebut juga telah menyatakan kepada mereka untuk kembali ke Khemah PAS di depan SMA Sultan Zainal Abidin Ladang selepas mengundi untuk pergi ke PASTI Al-Huda;

(i) mereka telah pergi ke PASTI Al-Huda dan berjumpa dengan seorang wanita berpudah;

(j) wanita berpudah tersebut telah meminta kad pengenalan mereka dan membuat pemeriksaan;

(k) wanita berpudah tersebut juga telah bertanyakan SP1, SP2 dan SP3 sama ada mereka mengundi calon di kotak mana dan mereka telah menjawab bahawa mereka mengundi calon PAS (responden) iaitu di kotak di bawah sekali di dalam kertas undi; dan

(l) selepas menjawab pertanyaan tersebut, SP1, SP2 dan SP3 telah diberikan wang tunai berjumlah RM50 setiap seorang oleh wanita berpudah tersebut.

Penyogokan di SK Gong Tok Nasek pada 19 November 2022

[16] Pempetisyen telah memanggil Muhamad Shahrul Azwan bin Rosli (SP5) untuk memberi keterangan. Ringkasan keterangan SP5 adalah seperti berikut:

(a) SP5 adalah pengundi berdaftar di dalam Parlimen KT dan telah membuang undi pada 19 November 2022 di SK Gong Tok Nasek;

(b) sebelum memasuki pusat mengundi di SK Gong Tok Nasek, SP5 telah singgah di khemah milik parti PAS untuk menyemak salurannya dan telah dijanjikan oleh seorang perempuan di dalam khemah tersebut akan menerima wang pengundi luar sekiranya SP5 mengundi PAS;

(c) SP5 telah diarahkan oleh seorang perempuan berbaju kurung berjaket hitam yang mempunyai logo PAS untuk pergi ke satu kabin apabila selesai mengundi untuk menerima wang pengundi luar sekiranya SP5 mengundi PAS; dan

(d) selepas selesai mengundi SP5 telah pergi ke kabin sepertimana yang diarahkan oleh seorang perempuan berbaju kurung berjaket hitam yang mempunyai logo PAS. SP5 telah pergi ke kabin itu dan diberikan wang berjumlah RM100 setelah SP5 memaklumkan kepada seorang lelaki di dalam kabin tersebut bahawa SP5 telah mengundi PAS. Gambar-gambar kabin berkenaan telah dikemukakan dan ditandakan sebagai eksh P10A hingga F.

Penyogokan di SK Pusat Kuala Ibai pada 19 November 2022

[17] Bagi membuktikan dakwaan di atas, petisyen telah memanggil Aqib Haiqal bin Rosman ('SP4') untuk memberi keterangan. Ringkasan keterangan SP4 adalah seperti berikut:

(a) SP4 adalah seorang pengundi berdaftar di dalam Parlimen KT dan telah mengundi pada bagi PRU-15 pada 19 November 2022 di SK Pusat Kuala Ibai;

(b) semasa hari membuang undi PRU-15, SP4 telah pergi ke khemah PAS yang berada di luar SK Pusat Kuala Ibai dan berjumpa dengan seorang

A lelaki yang memakai vest dengan logo PAS, kopiah dan tag PAS telah menyuruh SP5 untuk mengundi PAS dan akan menerima wang;

(c) selepas mengundi, seperti yang dijanjikan oleh seorang yang memakai vest logo PAS, kopiah dan pakai tag PAS, SP4 telah pergi kembali ke khemah tersebut untuk menuntut wang seperti yang dijanjikan; dan

B

(d) SP4 mengakui telah menerima wang berjumlah RM100 dari seorang lelaki berumur 60 tahun di dalam sebuah rumah di belakang khemah PAS.

C *Penyogokan melalui Bantuan i-Belia dan i-Siswa*

[18] Menurut pempetisyen, responden dan ejen-ejennya telah melakukan penyogokan secara besar-besaran melalui program bantuan kerajaan yang dipanggil Bantuan i-Belia dan i-Siswa yang diberikan kepada pengundi-pengundi berdaftar di dalam Parlimen KT bagi mendorong pengundi-pengundi ini untuk mengundi responden.

D

[19] Pempetisyen di dalam kes ini mendakwa bahawa Kerajaan Negeri Terengganu yang diterajui oleh parti PAS telah berselindung disebalik pemberian bantuan kerajaan dalam bentuk wang tunai berjumlah RM150 untuk menyogok pengundi-pengundi berdaftar di dalam Parlimen KT semasa minggu terakhir kempen bagi berkempen untuk PRU-15 untuk mengundi responden yang merupakan calon dari parti PAS.

E

F **[20]** Majlis Penyerahan i-Belia atau i-Siswa telah diadakan di lima tempat berasingan melalui program-program berikut:

(a) Majlis Penyerahan i-Belia di Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam pada 17 November 2022;

G

(b) Majlis Penyerahan i-Belia di Dewan Terbuka JHEAT pada 14 November 2022;

(c) Majlis Penyerahan i-Siswa di Restoran Matahari pada 18 November 2022;

H

(d) Majlis Penyerahan i-Belia dan i-Siswa di Hotel Permai Inn pada 17 November 2022; dan

(e) Majlis Penyerahan i-Siswa di Kondo Rakyat Darul Iman pada 17 November 2022

I

[21] Pempetisyen telah memangggil tiga orang saksi iaitu: Wan Muhammad Hanif Ashraf bin Wan Mohd Anafiah (SP8), Wan Muhammad Nazmi bin Wan Masril (SP9) dan Muhammad Aizal Anshari bin Abdullah (SP10) bagi membuktikan penerimaan dana ini daripada pihak penganjur.

[22] Butir-butir keterangan khusus bagi setiap majlis yang diadakan bagi tujuan memberikan dana i-Belia dan i-Siswa kepada para pengundi berdaftar akan dihuraikan di perenggan-perenggan di bawah.

Majlis Penyerahan i-Belia di Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam

[23] YB Wan Sukairi (SP 12) telah pun hadir semasa Majlis Penyerahan i-Belia pada 17 November 2022 di Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam ('DKTTI'). SP12 telah memberi keterangan seperti berikut (rujuk ms 181 dan 200 nota prosiding):

P/P: Rujuk muka surat 17. Perenggan 9 dan sub-perenggannya. Bertajuk pemberian wang sogokan RM150 kepada pengundi-pengundi berdaftar tersebut di majlis penyerahan i-Belia di Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam. *Adakah YB ada pengetahuan tentang majlis penyerahan wang i-Belia di Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam?*

SP12: *Ada.*

...

P/P: *Jelaskan program yang dianjurkan di Taman Tamadun Islam, apakah jenis program ini?*

SP12: *Majlis penyerahan bantuan i-Belia dan iSiswa.*

P/P: Adakah program rasmi kerajaan?

SP12: Ya.

P/P: Dalam program rasmi boleh YB terangkan garis panduan tentang berpolitik kepada mana-mana parti?

SP12: Tak boleh berpolitik.

P/P: Dalam majlis kerajaan, terangkan tentang larangan untuk pakai apa-apa simbol logo parti politik kecuali jata negeri?

SP12: Ya, itu yang berlaku di majlis yang kita lakukan.

P/P: *Saya nak zoom satu gambar di muka surat 25. Baju batik warna warni merah ni. Siapa beliau?*

SP12: *Saya.*

[24] Semasa program i-Belia di DKTTI juga telah dihadiri oleh individu yang memakai pakaian parti PAS sepertimana yang diakui oleh SP12 (rujuk ms 201):

P/P: Dalam program i-Belia di Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam, siapakah orang kenamaan yang rasmikan program rasmi kerajaan?

SP12: Saya.

P/P: *Sebelah kanan lelaki baju warna hijau?*

SP12: *En Haji Razali bin Abd Rani.*

P/P: Penyelaras atau penyelia I-Mits dun?

P/P: *Logo dibaju beliau. Saya cadangkan logo Parti Politik PAS?*

SP12: *Sepatutya tidak berlaku dan saya tak perasan dia pakai baju tu.*

P/P: *Siapa dia dalam PAS Kuala Terengganu?*

SP12: *Ahli PAS.*

...

P/P: *Sampul tiada lambang PAS dan jawatan YB tapi disebelah YB ada orang pakai baju dan lambang PAS, bagaimana seseorang penerima bantuan nak beza?*

SP12: *Orang tak perasan Haji Razali tu. Orang tengok saya sahaja.*

Rujuk gambar eksh P18(D).

[25] SP12 juga telahpun memberikan wang tunai kepada beberapa penerima i-Belia dengan menggunakan sampul yang tertera wajah peribadi beliau. SP12 sendiri mengakui (rujuk ms 203):

P/P: Pada gambar seterusnya muka surat 25 ikatan B. Ada sampul telah diserahkan. Terangkan warna sampul dan lambang pada yang ada?

SP12: Warna hitam dan lambang jata negeri.

P/P: Ada gambar YB diatas sampul?

SP12: Ya.

P/P: YB kata ini program rasmi dan tiada langsung bersifat untuk mempromosi mana-mana parti. Kenapa ada gambar YB selaku YDP PAS Kuala Terengganu?

SP12: Kerana saya exco kerajaan dan Adun Wakaf Mempelam dan tiada YDP PAS di sampul.

P/P: Terangkan bagaimana seseorang penerima bantua i-Belia dan iSiswa dapat membezakan sumbangan peribadi selaku YDP PAS Kuala Terengganu merangkap Adun Wakaf Mempelam dengan sumbangan kerajaan negeri sekiranya sampul itu ada tertera gambar YB?

SP12: Jika ada gambar saya, ada lambang PAS dan bawah nama saya itu YDP PAS Kuala Terengganu maka itu betul.

Majlis Penyerahan i-Belia Dewan Terbuka JHEAT pada 14 November 2022 (perenggan 10 petisyen ini)

[26] Bagi program ini, YB Ahmad Shah (SP14) telah memberi keterangan bahawa beliau telah menghadiri Majlis Penyerahan i-Belia di Dewan Terbuka JHEAT pada 14 November 2022 sepertimana keterangan beliau (rujuk ms 224–225):

P/P: Jelaskan bilakah program i-Belia diadakan?

SP14: Tak ingat.

P/P: Berdasarkan posting?

SP14: Ikut catatan ni 14/11.

P/P: Dimana diadakan berdasarkan dokumen ini?

SP14: Dewan Terbuka JHEAT.

P/P: Jelaskan apakah program majlis serahan i-Belia peringkat Dun Bandar ini?

SP14: Program ini dibuat dengan kerjasama Pusat Khidmat Dun Bandar dengan pejabat daerah. Saya dijemput untuk rasmi.

[27] SP14 mengakui ada memberikan gimik penyerahan wang tunai kepada beberapa individu-individu penerima yang layak serta merupakan pengundi berdaftar seperti berikut (rujuk ms 227):

P/P: Rujuk muka surat 31. Jelaskan apa yang berlaku dalam gambar ini?

SP14: Saya sampaikan bantuan sebagai gimik kepada peserta yang menerima.

P/P: YB berikan apa?

SP14: Sampul surat.

P/P: Apa ada dalam sampul?

SP14: Ada duit dari apa yang dimaklumkan.

A P/P: Berapa?

SP14: Tak pasti.

P/P: Boleh YB tengok sampul ni. Rujuk mukasurat 31. Boleh terangkan deskripsi sampul duit?

B SP14: Kurang nampak tapi nampak ada satu gambar.

P/P: Gambar YB ke?

SP14: Gambar saya lah kot.

C P/P: Berapa ramai penerima masa gimik?

SP14: 10.

[28] Berdasarkan gambar-gambar yang dikemukakan kepada SP14, ia dengan jelas menunjukkan sampul yang digunakan semasa Majlis Penyerahan D i-Siswa ini adalah sampul yang mempunyai gambar peribadi SP14 dan bukanlah sampul rasmi kerajaan. Gambar sampul tersebut adalah seperti di bawah:

E

F

G

H

Rujuk gambar eksh P20(C).

I

[29] Berdasarkan gambar yang dikemukakan, SP14 seterusnya telah memberi keterangan berikut (rujuk ms 230–231):

P/P: Rujuk muka surat 32. Kenal siapa individu yang memakai tudung labuh?

SP14: Tak kenal.

P/P: Jelaskan apakah item yang dipegang individu bertudung labuh?

SP14: Tak tahu tapi pada gambar ada no 12, 30. Logo bulan.

P/P: Logo bulan parti apa?

SP14: Parti PAS.

P/P: Dalam flyer siapa?

SP14: Tak kenal.

P/P: YB nak saya zoom.

SP14: Boleh

P/P: Siapa di tengah itu YB?

SP14: Saya boleh katakan Tan Sri Muhyddin. Gambaran macam tu nampak.

P/P: Baju warna apa?

SP14: Warna gelap. Kebiruan.

P/P: Sebelah kiri?

SP14: Seakan tuan guru.

P/P: Yang sebelah kanan itu?

SP14: Tak kenal.

P/P: Tulisan bawah apa yang ditulis?

SP14: Tawaran PN.

P/P: Apa PN?

SP14: Perikatan Nasional.

P/P: Flyer ni berkenaan apa?

SP14: Bahan kempen.

P/P: Untuk parti apa?

SP14: Tawaran PN.

P/P: Jelaskan mengapa dalam program rasmi terdapat individu yang sebarkan flyer tawaran Perikatan Nasional ini?

SP14: Masa saya berlegar saya tak nampak pun.

P/P: Rujuk muka surat 33. Ini di mana?

A SP14: Ini kelihatan tempat yang sama JHEAT.

P/P: Individu tengah siapa?

SP14: Pegawai kita dari Pusat Khidmat Masyarakat.

B P/P: Nama?

SP14: Kalau tak silap Cik Azizah. Pegawai Pusat Khidmat Masyarakat.

P/P: Selain daripada Cik Azizah?

SP14: Tak cam.

C P/P: Rujuk individu sebelah kiri Cik Azizah. Dia memegang apa?

SP14: Benda sama tadi flyer tawaran PN.

P/P: Tahu siapa bagi kepada individu ini?

D SP14: Tak tahu.

E

F

G

H Rujuk gambar eksh P20(D).

I

Rujuk gambar eksh P12.

Majlis Penyerahan i-Siswa di Restoran Matahari pada 18 November 2022

[30] Bagi majlis ini, YB Ahmad Shah (SP14) telah memberi keterangan bahawa beliau menghadiri Majlis Penyerahan i-Siswa di Restoran Matahari pada sehari sebelum hari membuang undi iaitu pada 18 November 2022. SP14 menyatakan (rujuk ms 234):

P/P: Jelaskan berkenaan program yang YB masukkan di dalam posting ini?

SP14: Program diatur oleh I-Mits dan jemput saya rasmi.

P/P: Program apa?

SP14: iSiswa.

P/P: Berapa ramai yang terlibat?

SP14:158 orang.

P/P: Di mana?

SP14: Di restoran Matahari.

P/P: Berapa banyak wang digunakan bagi Dun Bandar?

SP14: RM22700. Tapi tak semua datang. Sebahagian sahaja.

[31] SP14 juga mengakui ada memberikan gimik pemberian wang tunai kepada sepuluh orang penerima i-Siswa semasa di dalam program penyerahan di Restoran Matahari ini (rujuk ms 235):

P/P: Rujuk muka surat 38. Jelaskan apa yang berlaku dalam gambar?

SP14: Gimik penyerahan.

P/P: YB guna sampaul sama di JHEAT?

SP14: Sama.

P/P: Berapa yang YB serah?

SP14: 10 orang.

P/P: Rujuk mukasurat 41. Apa dokumen ini?

SP14: Penyerahan gimik.

P/P: YB guna sampul yang sama?

SP14: Ya.

Rujuk gambar eksh P34(B).

Rujuk gambar eksh P34(E).

Majlis Penyerahan i-Belia di dan i-Siswa di Hotel Permai Inn pada 17 November 2022

[32] Keterangan berhubung majlis ini telah diberikan oleh YB Dato' Tengku Hassan (SP11). Menurut SP11, beliau telah merasmikan Majlis penyerahan i-Belia dan i-Siswa di Hotel Permai Inn pada 17 November 2022 (rujuk ms 162).

[33] Responden turut hadir di majlis ini. Perkara ini disahkan oleh SP11 (rujuk ms 165):

P/P: YB katakan YB langsung tidak terlibat kempen Dato Amzad. Apakah maksud hadir program, buat stail mini love ala Korea. Adakah maksud berkempen untuk Dato Amzad?

SP11: Ini photographer cakap free stail.

P/P: Ini program Kerajaan Negeri Terengganu, dianjur kerajaan negeri. Kenapa YB Ahmad Amzad hadir pada program itu?

SP11: *Saya tak tahu.*

P/P: *Apakah jawatan Dato Amzad dalam Negeri Terengganu?*

A SP11: *Tiada.*

P/P: Setuju dia tiada lokus atau kelayakan untuk hadir?

SP11: Saya tak tahu, cuma dia hadir sebagai bekas ahli parlimen dan bekas timbalan menteri. Saya tak tahu.

B

[34] Gambar yang mengesahkan kehadiran responden telah turut dikemukakan.

C

D

E

F

Rujuk gambar eksh P22(D).

G

H

I

Rujuk gambar eksh P22(E).

[35] Terdapat juga gimik pengagihan bantuan i-Belia dan i-Siswa kepada beberapa penerima dengan menggunakan sampul tertera gambar peribadi SP11 (rujuk ms 164):

P/P: Rujuk P23 dan dalam gambar ni YB berdiri atas pentas bersama beberapa orang pegang sampul duit. Adakah sampul bergambar YB diedarkan berisi wang RM150?

SP11: Ada sampul.

P/P: Sampul ada gambar YB?

SP11: Ya.

P/P: Atas sampul ada logo Parti PAS?

SP11: Setahu saya tiada.

P/P: Dalam sampul tu ada gambar?

SP11: Bukan dalam, atas.

P/P: Dalam sampul ada apa YB?

SP11: Saya tak pasti. Saya tak periksa

P/P: YB hadir untuk majlis?

SP11: Ya.

P/P: Dalam sampul tu ada duit RM150?

SP11: Saya tak buka.

P/P: Siapa yang sampaikan sampul duit ni kepada penerima?

SP11: Kita ada yang itu sahaja sebagai gimik. Bukan semua.

P/P: Setuju inilah antara penerima yang menerima dari tangan YB sendiri?

SP11: Setuju.

P/P: Setuju dalam ni ada wang RM150?

SP11: Saya tak periksa.

[36] SP10 yang menghadiri majlis ini, telah mengesahkan mendengar ucapan yang dibuat oleh YB Tengku Hassan yang telah mendorong penerima-penerima wang untuk mengundi PAS dan responden. SP10 semasa pemeriksaan balas menyatakan (rujuk ms 148):

P/R: Aizal banyak kali guna perkataan mendorong. Dalam ucapan YB Tengku Hassan ada guna ke perkataan mendorong?

SP10: Tidak tapi masa ucapan tu seperti mendorong.

Mah: Dorongan itu perbuatan bukan perkataan. Rephrase.

P/R: Apakah perkataan yang digunakan oleh Tengku Hassan yang bagi bermaksud mendorong dalam ucapan tersebut?

SP10: Dalam ucapan tersebut memang ada mengatakan katakan suruh undi parti tapi tak sebut Parti PAS. Tapi Parti Bulan.

P/R: Jadi perkataan undi Parti Bulan itu disebut?

SP10: Ya.

P/R: Secara tak langsung tu kenapa?

SP10: Sebab dalam ucapan tu bukan sekejap, lama. Jadi banyak ucapan dia.

P/R: Setuju tak Tengku Hassan tak pernah kata kalau tak undi Parti Bulan kita tak bagi duit?

SP10: Setuju.

P/R: Setuju dengan cadangan saya bahawa Tengku Hassan tak pernah nyatakan bahawa duit yang diberikan tu adalah dari Parti PAS?

SP10: Tak setuju sebab dalam ucapan beliau, beliau suruh sokong Parti PAS.

Majlis Penyerahan i-Siswa di Kondo Rakyat Darul Iman pada 16 dan 17 November 2022

[37] Berhubung majlis ini, YB Muhammad Khalil (SP13) mengesahkan telah hadir dan merasmikan Majlis Penyerahan i-Belia di Dewan Serbaguna Kondo Rakyat Darul Iman pada 16 November 2022 (rujuk ms 211–212):

P/P: *Terangkan apa program yang berlangsung di Kondo Rakyat Darul Iman pada 16/11 tahun lalu?*

SP13: *Majlis serahan i-Belia.*

P/P: *Siapa org kenamaan yang rasmi?*

SP13: *Saya sendiri.*

P/P: *Hadir sebagai kapisiti apa?*

SP13: *Adun setempat. Adun Batu Buruk.*

P/P: Berapa ramai penerima bantuan i-Belia di Kondo Dewan Rakyat pada 16/11?

SP13: Tak pasti jumlah.

P/P: Rujuk dokumen B. Mukasurat 56. Jelaskan siapakah yang bernama Mohd Khalil Abd Hadi?

SP13: Yang pakai kopiah putih, yang baju melayu kelabu. Saya.

[38] Pada 17 November 2022 pula, isteri SP13 telah hadir pada Majlis Penyerahan i-Siswa di Kondo Rakyat Darul Iman mewakili SP13 walaupun isterinya tidak mempunyai sebarang jawatan rasmi dalam kerajaan Negeri Terengganu (rujuk ms 213–214):

P/P: Rujuk mukasurat 50 ikatan B. Jelaskan siapa yang hadir sebagai orang kenamaan dalam bantuan iSiswa di Dun Batu Buruk pada 17/11/2022?

SP13: Isteri saya.

P/P: Adakah ini ciapan Facebook YB?

SP13: Tak pasti, saya rasa betul.

P/P: Yang Arif, pemilik akuan facebook mengaku ianya adalah maker. Pohon tender.

P/R: Tiada bantahan.

(P32 — Ikatan B Mukasurat 50)

P/P: Isteri hadir mewakili YB masa pengagihan di Batu Buruk?

SP13: Benar.

P/P: Ia program rasmi kerajaan dan YB Adun Batu Buruk bagaimana isteri boleh hadir mewakili YB?

SP13: Saya percaya tiada peraturan dan undang-undang yang melarang, dan kebanyakkan program yang saya hadir sama ada rasmi atau tak agak kerap saya bawa isteri.

P/P: Isteri memegang jawatan apa dalam kerajaan atau politik?

SP13: Tiada.

[39] SP11 turut mengesahkan bahawa semasa Majlis Penyerahan i-Siswa di Kondo Rakyat Darul Iman ini juga telah dihadiri oleh responden sendiri. Gambar-gambar yang menunjukkan kehadiran responden telah turut dikemukakan sebagai eksh P22(A-E).

TERAS HUJAHAN PEMPETISYEN

[40] Adalah merupakan teras hujah pempetisyen bahawa individu-individu serta penama-penama berikut merupakan ejen kepada responden:

No	Nama Ejen	Jawatan dalam parti PAS/ Perilaku yang mengaitkan sebagai ejen kepada responden	Keterangan
1.	YB Wan Sukairi	Yang Dipertua PAS Kawasan Kuala Terengganu	P/P: Sudah berapa lama YB jadi YDP PAS kawasan Kuala Terengganu? SP12: Lebih kurang 10 tahun. P/P: Siapa Timbalan YDP untuk PAS Kuala Terengganu? SP12: YB Dato Ahmad Amzad
		Pengerusi Pembangunan Sukan, Belia dan NGO (Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri)	P/P: Sebagai ahli Mesyuarat Dalam Negeri, portfolio apakah yang YB pengerusikan? SP12: Bahagian Pembangunan Sukan, Belia dan NGO.
		Bertanggungjawab dalam membuat keputusan dasar bagi progam i-Belia dan i-Siswa	P/P: Dalam sidang media di Ar Riyadah, YB nyatakan ada buat sidang media. Perubahan tarikh pengagihan dibuat pada 15/9 atau waktu beri sidang media? SP12: Saya kena rujuk balik. Antara itulah. Tapi dalam sidang media itu yang saya nyatakan. P/P: YB ada katakan YB telah membuat keputusan untuk mengubah tarikh. Adakah dokuman hitam putih rasmi dikeluarkan? SP12: Tiada.

			P/P: Duduk perkaranya sekarang ialah dokumentari yang ada dalam mahkamah ini menunjukkan tarikh masih lagi 28/8–31/10 berbanding jawapan lisan dalam sidang media YB buat perubahan tarikh dan tiada dokumen hitam putih terhadap keputusan pindaan itu? SP12: Ya. Mah: Saya nak minta penjelasan sikit. Tadi YB cakap penurunan kuasa diberikan kepada TSIS. Bagi tarikh ini, YB yang buat keputusan? SP12: Saya masih menjadi pengerusi kepada jawatankuasa induk.
2.	YB Ahmad Shah	AJK PAS Kawasan Kuala Terengganu	P/P: Terangkan jawatan YB dalam Parti PAS? SP14: Sekarang sebagai AJK PAS kawasan Kuala Terengganu. P/P: Sebagai AJK pegang portfolio apa di Kuala Terengganu?
		Timbalan Pengerusi Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar	P/P: Selain daripada Adun Bandar apa jawatan YB dalam kerajaan negeri Terengganu? SP14: Timbalan Pengerusi Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan Dan Alam Sekitar.
		Telah berkempen semasa PRU-15 bagi memenangkan responden	P/P: Berkempen untuk siapa? SP14: Berkempen untuk PAS. P/P: Untuk Dato Ahmad Amzad? SP14: Ya. P/P: Apa program yang dibuat untuk berjumpa pengundi? SP14: Saya berjalan di kampung, kedai kopi.

			P/P: Ada berjalan sekali dengan Dato Ahmad Amzad semasa berkempen? SP14: Tiada.
3.	YB Dato' Tengku Hassan	AJK PAS Kawasan Kuala Terengganu	SP11: PAS. P/P: Jawatan dalam PAS kawasan Kuala Terengganu? SP11: AJK. Itu yang lepas. Sekarang belum lagi. P/P: Maksud dia 2021-2023 pegang AJK kawasan Kuala Terengganu? SP11: Sehingga mesyuarat agung yang baru ini. P/P: Sewaktu pegang jawatan itu YB merupakan ketua lajnah pekerja dan pengguna? SP11: Ya.
		Pengerusi Jawatankuasa Industri	SP11: Pertama saya tak tahu sama ada ucapan direkod atau tak, jadi apa yang saya ucap tu biasanya berkenaan dengan program-program yang dibuat oleh kerajaan untuk negeri dan juga Dun Ladang dan juga untuk portfolio saya. Sebagai pengerusi jawatankuasa industri negeri kaya highlight program yang telah dilaksanakan dan bantuan yang pernah kita salurkan untuk Dun Ladang.
4.	YB Muhammad Khalil	Ketua Penerangan PAS Kawasan KT	P/P: YB pegang jawatan apa dalam jawatankuasa kerja PAS dalam Kuala Terengganu? SP13: Ketua penerangan PAS kawasan Kuala Terengganu pada ketika itu. P/P: Sekarang? SP13: Bendahari.

			P/P: Terangkann skop tugas sebagai Ketua Penerangan PAS kawasan Terengganu pada PRU-15? SP13: Memberi penerangan dan kempen kepada massa tentang suasana pilihanraya.
		Timbalan Pengerusi Industria dan Pelaburan	P/P: YB memegang jawatan apa dalam kerajaan selain daripada adun? SP13: Timbalan Exco Industri Dan Pelaburan. P/P: Exconya adalah YB Tg Hassan? SP13: Ya.
		Aktif berkempen untuk responden semasa PRU-15	P/P: Terangkan skop tugas sebagai Ketua Penerangan PAS kawasan Terengganu pada PRU-15? SP13: Memberi penerangan dan kempen kepada massa tentang suasana pilihanraya. P/P: Terangkan hubungkait YB selaku Ketua Penerangan PAS kawasan Kuala Terengganu dengan YB Dato Ahmad Amzad Timbalan YDP PAS Kuala Terengganu pada kempen pilihanraya yang lalu? SP13: Secara umum saya terang dasar parti, tawaran parti kepada rakyat untuk pilihanraya tersebut. P/P: Dalam konteks YB akan terang kepada rakyat dasar parti boleh terangkan hubungan YB sebagai agen kepada Dato Ahmad Amzad yang bertanding untuk parlimen Kuala Terengganu?

			SP13: Sudah tentu sebagai ahli PAS yang bergerak dalam kawasan Terengganu saya akan berkempen untuk memenangkan calon PAS Dato Amzad tapi dalam masa yang sama saya boleh letak gap apa yang boleh saya sebut dan apa yang tak boleh saya sebut dalam program saya hadir. P/P: Setuju YB adalah agen YB Ahmad Amzad tapi memastikan mengikut lunas yang telah ditetapkan? SP13: Ya. P/P: Apakah tugas yang YB lakukan dalam memenangkan YB Ahmad Amzad? SP13: Kempen. P/P: Selain tu. Bentuk kempen yang dilakukan? SP13: Saya kira yang paling tepat adalah penerangan. P/P: Terangkan usaha-usaha yang telah YB lakukan untuk berjumpa seberapa ramai i-Belia dan iSiswa di Dun Batu Buruk pada PRU-15?
5.	Al-Ghazali	Pengarah Pilihan Raya PAS Kawasan KT	P/P: Saya pergi kepada jawatan politik yang encik Ghazali sandang. Boleh encik terangkan apakah jawatan politik yang encik sandang untuk PAS kawasan Terengganu? S/R2: Pengarah pilihanraya. P/P: Sejak daripada tahun bila encik? S/R2: Tak ingat. Lama dah, 3 penggal. P/P: Jadi lebih kurang satu penggal PAS sama dengan UMNO kan? Tiga tahun kan? S/R2: Pas 2 tahun. P/P: Jadi lebih kurang 6 tahun?

			S/R2: Ya. P/P: Selaku Pengarah Jabatan Pilihanraya untuk PAS kawasan Terengganu, siapakah YDP kawasan yang encik Ghazali bertanggungjawab kepadanya sekarang? S/R2: YB Wan Sukairi.
		Pegawai TSIS yang bertanggunjawab dalam pengagihan dana i-Belia dan i-Siswa	P/P: Baik, jadi pekerjaan pejabat yang encik Al-ghazali masuk sertai ialah pada tahun 2021 di TSIS? S/R 2: Ya. P/P: Baiklah. Untuk itu, encik al-Ghazali, dalam jawapan soalan nombor 3. Encik nyatakan Ini adalah 6 program rasmi kerajaan negeri Terennganu? S/R 2: Ya. P/P: Setuju dengan saya encik al-Ghazali adalah pegawai yang bertanggungjawab untuk menguruskan semua program ibelia dan isiwa di negeri Terengganu? S/R2: Ya.
		Pegawai TSIS yang membentangkan berkenaan kertas cadangan agihan bantuan i-Belia dan i-Siswa	P/P: Encik hadir ke mesyuarat tu? S/R2: Ya. Saya hadir. P/P: Jadi terangkan kepada mahkamah bagaimana dibuat pindaan dibuat?

			S/R2: Dalam mesyuarat pada 15/9 saya dipanggil untuk membentangkan semula berkenaan kelulusan iBelia. Oleh kerana iBelia diluluskan dalam mesyuarat MKN pada 7/9, Jadi tarikh masa yang dicadangkan pada peringkat awal, kita cadang tu tidak boleh guna. Jadi pada mesyuarat 15/9 saya cadangkan cadangan baru garis masa. Perubahannya garis masa lah. Dari sudut lain tiada perubahan. So, dalam surat tersebut bersetuju untuk meluluskan timeline baru.
6.	Dr Balachandran	Ketua Dewan Perhimpunan PAS Kuala Terengganu	P/P: Terangkan pula latar belakang Dr segi penglibatan dalam politik di Terengganu? SP15: Saya libatkan diri dalam politik dalam 14 tahun lalu sebagai ahli kelab penyokong PAS Malaysia. Lepas itu menjadi Ketua Dewan Himpunan Penyokong PAS Kuala Terengganu dan juga sekarang penyandang jawatan setelah Ketua Penerangan Dewan Penerangan Penyokong PAS Semalaysia.
		Merupakan suatu badan perhubungan antara PAS dan orang bukan Islam	SP15: Secara am kita membawa mesej sebagai jambatan daripada PAS kepada non muslim. Membawa mesej yang kita dapat menikmati kesejahteraan, keharmonian dibawah payung islam. P/P: Itu asas dia?
		Giat berkempen untuk responden	P/P: Dalam tempoh berkempen 5/11–18/11, berapa kali yang ada di Terengganu dan terlibat dengan aktiviti kempen bagi responden? SP15: Dalam aktiviti kempen, bilik gerakan sehari. Lepas tu I was going all over the places.

			P/P: Dr kata banyak berkempen dalam bilik gerakan. Bagaimana berkempen di luar bilik gerakan? SP15: Tiada di hotel. Kempen focus on my ceramah and then at bilik gerakan.
		Menganjurkan Malam Deepavali dengan menjemput Pengundi-Pengundi di dalam Parlimen KT serta turut menjemput responden	SP15: Majlis tu diselaraskan oleh saya dan YB Hanafiah. P/P: Dr hadir atas kapasiti apa? SP15: Pegawai Khas Menteri Besar. P/P: Penganjur dia adalah? SP15: Pejabat Menteri Besar. Actually penganjur dia exco perpaduan dengan kerjasama pejabat MB. P/P: Adakah ini program kerajaan negeri? SP15: Ya. ... P/P: Dr katakan ia anjuran exco perpaduan dengan kerjasama pejabat menteri besar dan program bentuk keraian. Dimana menyambut Deepavali dengan makan muzik Dana sedikit. Ada jemput dif-dif kehormat YB Hanafiah dan YB Dato Ahmad Amzad. Apa jawatan Kerajaan negeri Terengganu yang disandang YB Dato Ahmad Amzad pada waktu itu?

			SP15: Bagi kita Dato Ahmad Amzad bukan seorang pegawai kerajaan in that sense. Beliau adalah seorang pemimpin yang banyak membantu kita. We invited him to honour him. P/P: Untuk itu apa yang di expect oleh Dato Amzad untuk buat? SP15: Bila saya panggil. Dia cakap dia busy. But then I said you must come because you are one of the party that helped us a lot. So we want to honour. He said he will come for a few minutes and go lah. Few minutes he can spare. And I said thank you so much Dato for your time. So when he came. Kita bagi penghormatan. He gave a speech and then he left.
6.	Seorang perempuan berjubah labuh di Khemah di depan SMA Sultan Zainal Abidin Ladang	Bertugas di khemah PAS di luar pusat mengundi Sultan Zainal Abidin Ladang semasa hari mengundi	P/P: Sampai di Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin Ladang. Puan, anak perempuan dan ibu sampai dan nampak khemah PAS. Jelaskan dengan lebih lanjut siapa tanya Puan sebagai pengundi luar, bagaimana pakaian dia? SP2: Bertudung, baju labuh tapi saya tak kenal. Berpakaian baju PAS. ... P/P: Terangkan bagaimana puan tahu khemah yang puan pergi tu khemah PAS? SP2: Ada bendera PAS.

		Telah berusaha meraih undi atau mendorong pengundi-pengundi di dalam Parlimen KT untuk mengundi responden dengan menjanjikan wang sogokan	P/P: Bila jumpa dia, dia cakap apa? SP2: Dia cakap, 'Kak nak pergi mengundi ke. Pengundi luar ke? Undi PAS kak. Kak masuk mengundi lepas undi jumpa saya.' Lepas mengundi jumpa dia. Dia kata kena pergi Pasti Al Huda. Saya pergi situ, minta IC. Dia tanya itu semua, dia minta IC. Beri RM50, saya balik.
7.	Seorang Wanita berpurdah di PASTI Al-Huda	Telah melakukan tindakan memberikan wang kepada sesiapa yang telah mengundi PAS (responden)	P/P: Jelaskan bagaimana aktiviti pembrian wang pada pengundi luar oleh wanita berpurdah pada hari 19 November 2022. Mari macam mana? SP1: Saya masuk, ramai orang. Tanya undi apa. Ramai kata undi PAS. Bagi borang dan isi. Dia bagi duit. P/P: Borang dan maklumat apa yang diminta? SP1: Borang tu atas tu ada logo PAS. Tulis IC, nama dan alamat. P/P: Sewaktu pergi, berapa ramai ada dalam Pasti Al Huda? SP1: Ramai. Tak ingat. P/P: Agak-agak? SP1: 20.

8.	Perempuan berbaju kurung berjaket hitam logo PAS bertugas di khemah PAS di luar SK Gong Tok Nasek	Bertugas di khemah PAS di luar Pusat Mengundi SK Gong Tok Nasek	SP5: Masa nak pergi kat tempat mengundi SK Gong Tok Nasek ada satu khemah, kanopi. Kita singgah. Tengok kanopi PAS. Sebab bendera ada. Kita tanya boleh check tak saluran? Dia kata boleh je. Dia tanya dari mana. Kita kata dari Johor. Dia kata kalau pengundi luar, sudah mengundi pergi dekat kabin satu lagi bagi kertas saluran. P/P: Itu sahaja. Apa lagi? SP5: Selepas itu dia beritahu kalau nak duit ni undilah PAS. Bawa kertas saluran tu. P/P: Siapa yang kamu jumpa di kanopi tu? SP5: Perempuan.
		Telah mendorong pengundi-pengundi berdaftar di dalam Parlimen KT untuk mengundi responden dengan menjanjikan wang ringgit	P/P: Siapa yang kamu jumpa di kanopi tu? SP5: Perempuan. P/P: Pakai macam mana? SP5: Baju kurung, ada jaket hitam, ada logo PAS. P/P: Dia kata bagaimana sebelum masuk mengundi itu? SP5: Dia kata kalau nak duit ni undi PAS lah.
9.	Ustaz Yin	Telah memberikan wang kepada pengundi-pengundi berdaftar di Parlimen Kuala Terengganu setelah mengesahkan pengundi tersebut mengundi responden	P/P: Shahrul diberi duit RM100 oleh Ustaz Yin di kabin?

			SP5: Ya. P/P: Apa fahaman Shahrul bila diberi wang RM100 oleh Ustaz Yin iaitu orang kuat PAS? SP5: Suruh undi PAS. P/P: Bila terima wang setelah undi PAS. Apa balasan yang kamu dapat daripada Ustaz Yin ni? SP5: Duit RM100. P/P: Jelaskan bila kamu diminta untuk undi PAS di khemah. Apa yang pengaruhi kamu untuk mengundi PAS? SP5: Bagi duit. P/P: Rujuk dokumen muka surat 5 pada 19/11. Di mana Ustaz Yin dan Zainun duduk dan dimana Shahrul beratur ambil duit? SP5: Dalam kabin. Dekat luar, isi borang. Duit bagi dalam kabin.
		Merupakan orang PAS	P/P: Kenal tak pekerja PAS? SP5: Kenal. P/P: Nama? SP5: Ustaz Ying. P/P: Kenal macam mana? SP5: Sebab kampung tu dia orang kuat PAS. P/P: Macam mana kata dia orang kuat PAS? SP5: Dari dulu dah bila ada sesuatu berkaitan PAS dia akan ada. P/P: Dia pegang jawatan apa? SP5: Ketua kampung. P/P: Siapa lagi kenal selain Ustaz Ying? SP5: Isteri dia, Zainun. P/P: Selain Ustaz Ying, Zainun ada lagi tak yang kamu kenal? SP5: Tiada. P/P: Zainun ni kamu tahu dia orang PAS?

			SP5: Biasa dia sekali sokmo dengan suami dia. Sentiasa bersama. P/P: Bagaimana hubungan kamu dengan parti PAS jika ada? SP5: Tiada hubungan. P/P: Jelaskan macam mana boleh kenal Ustaz Yin dan Zainun ni adalah orang PAS? SP5: Biasa kalau lalu tu nampak la dia. Kalau ada apa-apa tentang PAS, orang rujuk dia.
10.	Lelaki memakai vest logo PAS, kopiah dan memakai tag PAS bertugas di Khemah PAS di luar SK Pusat Kuala Ibai	Telah mendorong pengundi-pengundi untuk mengundi responden	P/P: Terangkan apa yang berlaku bila En Aqib sampai ke SK Kuala Ibai? SP4: Bila sampai, saya berhenti sebentar di pondok PAS untuk tanya duit pengundi luar. Bila saya sampai dia minta IC nak check nama dalam sistem. Lepas check suruh pergi belakang untuk isi borang. Lepas isi tak boleh ambil lagi duit sebab belum mengundi. Sebab takde dakwat kat jari. Lepas mengundi baru boleh pergi ambil. Lepas tu dia tanya undi apa. Jawab undi PAS. Dia bagi duit,saya terus balik. Dia cakap anak muda undi PAS. P/P: Itu di mana? SP4: Belakang pondok PAS, rumah kecil. P/P: Terangkan jarak dari SK Kuala Ibai dengan khemah? SP4: 100 meter.

			P/P: Terangkan siapa yang panggil untuk tanya awak pengundi luar, awak undi siapa? SP4: Orang yang jaga pondok pakai vest logo PAS, kopiah, pakai tag PAS. P/P: Khemah mana Aqib singgah? SP4: Khemah PAS.
11.	Lelaki tua di sebuah rumah di hadapan khemah PAS berhampiran dengan SK Pusat Kuala Ibai	Telah memberikan wang setelah mengesahkan seseorang pengundi mengundi responden	P/P: Orang yang bagi duit RM100. Boleh terangkan dia pakai baju apa, lelaki ke perempuan? SP4: Ada dua orang. Seorang budak muda perempuan. Seorang lelaki peringkat umur 60 tahun. Baju biasa. Pakcik tu pakai baju biasa juga. Baju berkolar warna hijau. Budak perempuan pakai biasa. P/P: Bila dah isi borang terus dapat duit? SP4: Ya. P/P: Ada dia tanya apa-apa sebelum wang diberi? SP4: Tanya undi apa. Dia nak pastikan saya undi PAS. Saya jawab undi PAS. Dia bagi duit. Lepas tu balik rumah.

[41] Berdasarkan Jadual di atas, pempetisyen mennyatakan bahawa kesemua ejen yang dirujuk adalah orang kuat PAS Kawasan KT yang mempunyai 'common interest' untuk memastikan bahawa responden memenangi kerusi Parlimen KT pada PRU-15 tersebut (rujuk penghakiman Raja Azlan Shah J dalam kes *Ali Amberan v Tunku Abdullah* [1970] 2 MLJ 15b; [1969] 1 LNS 6).

[42] Pempetisyen turut menyenaraikan tindakan yang telah dilakukan oleh ejen-ejen ini bagi tujuan memastikan kemenangan responden.

No	Saksi	Tindakan
1.	YB Wan Sukairi	Menghadiri majlis bantuan i-Belia di Dewan Taman Tamadun Islam Bertanggungjawab dalam membuat keputusan dasar bagi progam i-Belia dan i-Siswa
2.	YB Ahmad Shah	Telah berkempen semaa PRU-15 bagi memenangkan responden Telah menghadiri majlis agihan i-Belia di Dewan Terbuka JHEAT
3.	YB Dato' Tengku Hassan	Telah menghadiri program bantuan i-Belia dan i-Siswa di Hotel Permai ini dengan memberikan ucapan untuk meraih undi kepada responden Pengerusi Jawatankuasa Industri serta memberikan wang tunai kepada beberapa pengundi berdaftar di Parlimen KT
4.	YB Muhammad Khalil	Aktif berkempen untuk responden semasa PRU-15 Memberikan wang tunai kepada pengundi-pengundi di dalam Parlimen Kuala Terengganu melalui program i-Belia dan i-Siswa di Kondo Rakyat Darul Iman
5.	Al-Ghazali	Pengarah Pilihan Raya PAS Kawasan KT Pegawai TSIS yang bertanggunjawab dalam pengagihan dana i-Belia dan i-Siswa Pegawai TSIS yang membentangkan berkenaan kertas cadangan agihan bantuan i-Belia dan i-Siswa
6.	Dr Balachandran	Ketua Dewan Perhimpunan PAS Kuala Terengganu Merupakan suatu badan perhubungan antara PAS dan orang bukan Islam Giat berkempen untuk responden Menganjurkan Malam Deepavali dengan menjemput Pengundi-Pengundi di dalam Parlimen KT serta turut menjemput responden dan memberikan wang tunai kepada pengundi

7.	Seorang perempuan berjubah labuh di Khemah di depan SMA Sultan Zainal Abidin Ladang	Bertugas di khemah PAS di luar pusat mengundi Sultan Zainal Abidin Ladang semasa hari mengundi Telah berusaha meraih undi atau mendorong pengundi-pengundi di dalam Parlimen KT untuk mengundi responden dengan menjanjikan wang sogokan
8.	Seorang Wanita berpurdah di PASTI Al-Huda	Telah melakukan tindakan memberikan wang kepada sesiapa yang telah mengundi PAS (responden)
9.	Perempuan berbaju kurung berjaket hitam logo PAS bertugas di khemah PAS di luar SK Gong Tok Nasek	Bertugas di khemah PAS di luar Pusat Mengundi SK Gong Tok Nasek Telah mendorong pengundi-pengundi berdaftar di dalam Parlimen KT untuk mengundi responden dengan menjanjikan wang ringgit
10.	Ustaz Yin	Telah memberikan wang kepada pengundi-pengundi berdaftar di Parlimen Kuala Terengganu setelah mengesahkan pengundi tersebut mengundi responden Merupakan orang PAS
11.	Lelaki memakai vest logo PAS, kopiah dan memakai tag PAS bertugas di Khemah PAS di luar SK Pusat Kuala Ibai	Telah mendorong pengundi-pengundi untuk mengundi responden
12.	Lelaki tua di sebuah rumah di hadapan khemah PAS berhampiran dengan SK Pusat Kuala Ibai	Telah memberikan wang setelah mengesahkan seseorang pengundi mengundi responden

RINGKASAN HUJAH RESPONDEN

[43] Berikut adalah ringkasan hujah yang telah dikemukakan oleh pihak responden:

(a) di peringkat perbicaraan tindakan ini, pempetisyen tidak dipanggil memberi keterangan. Ini bermakna terdapat lompang dalam keterangan yang dikemukakan oleh beliau. Kegagalan pempetisyen memberikan

keterangan menyebabkan mustahil baginya memenuhi beban membuktikan kes ini ke tahap melampaui keraguan yang munasabah (rujuk kes *Jaafar bin Shaari & Anor (suing as administrators of the estate of Shofiah bte Ahmad, deceased) v Tan Lip Eng & Anor* [1997] 3 MLJ 693; [1997] 4 CLJ 509dan *Takako Sakao (f) v Ng Pek Yuen (f) & Anor* [2009] 6 MLJ 751; [2010] 1 CLJ 381);

(b) enam program rasmi bagi i-belia dan i-Siswa merupakan program rasmi Kerajaan Negeri Terengganu yang sah melalui punca kuasa Enakmen Perbekalan Terengganu 2022 yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri dan/atau Exco melalui agensi-agensi Kerajaan Negeri. Program-program ini secara sendiri bukanlah satu subjek sogokan ataupun rasuah pilihanraya dalam konteks Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5);

(c) Majlis Makan Malam Deepavali di Hotel Sumai Kuala Terengganu pada 13 November 2022 juga merupakan program tahunan Kerajaan Negeri Terengganu yang dianjurkan oleh pejabat Menteri Besar Terengganu dengan kerjasama Exco Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita & Keluarga dan Perpaduan Nasional. Penganjur majlis ini: Dr Balachandran merupakan Pegawai Khas Hal Ehwal Bukan Islam kepada YAB Menteri Besar Terengganu. Program ini adalah satu bentuk keraian dan penghargaan Kerajaan Terengganu kepada penganut-penganut agama Hindu di samping memberikan dana sumbangan kepada pihak yang berkenaan. Program ini juga dianjurkan berdasarkan Bajet Kerajaan Negeri Terengganu. Tambahan pula, tiada apa-apa pliding ataupun keterangan mana-mana saksi di sepanjang perbicaraan yang menunjukkan perbuatan rasuah/sogokan dan penjamuan dilakukan oleh responden sendiri;

(d) Kerajaan Negeri Terengganu tidak boleh dikategorikan sebagai termasuk dalam 'every person' sepertimana yang diperuntukkan di bawah s 10(a), 10(c) dan 11(1)(b) AKPR, memandangkan peruntukan-peruntukan tersebut hanya terpakai kepada individu yang merupakan orang perseorangan sahaja;

(e) pempetisyen telah gagal membuktikan alegasi bahawa individu-individu yang dikatakan terlibat dalam pemberian wang kepada orang awam yakni saksi-saksi pempetisyen merupakan agen kepada responden berdasarkan fakta bahawa tidak terdapat bukti perlantikan mereka sebagai agen responden (rujuk keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Wan Sagar bin Wan Embong v Harun bin Taib* [2008] 6 MLJ 473; [2019] 1 CLJ 457). Pempetisyen di dalam kes ini telah gagal memplidkan elemen perlantikan dan hubung kait (*employment*);

(f) pempetisyen telah gagal membuktikan elemen niat dan elemen janji yang mempengaruhi daripada pihak yang memberi rasuah/wang sogokan (*inducement*); dan

(g) bagi saksi-saksi yang menerima wang di pusat mengundi, mereka telah memberikan keterangan bahawa sebelum mereka memasuki pusat undi, mereka tidak dijanjikan apa-apa bayaran, tiada jumlah yang dijanjikan, tidak disyaratkan mengundi responden /PAS, bahkan tiada langsung tawar menawar yang boleh mempengaruhi sikap saksi sewaktu membuang undi.

[44] Berikut pula adalah ringkasan keterangan yang telah diberikan oleh responden:

(a) Program i-Belia dan i-Siswa adalah program rasmi Kerajaan Negeri Terengganu yang diluluskan ketika pembentangan Bajet Tahun 2022 Kerajaan Terengganu dan penganjurannya adalah berdasarkan kelulusan majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu (MMKN) serta mendapat peruntukan dari Pegawai Kewangan Negeri Terengganu;

(b) ianya merupakan program yang sah bagi sebuah Kerajaan Negeri yang sah berkuatkuasa dalam keadaaan di mana pada masa tersebut, Dewan Undangan Negeri Terengganu masih belum dibubarkan;

(c) responden langsung tidak terlibat dalam penganjuran bahkan tidak pernah dirujuk, dirundingi serta tidak mengetahui langsung tentang program-program tersebut; dan

(d) responden tidak pernah melantik YB-YB Exco dan Timbalan Exco yang merasmikan program i-Belia dan i-Siswa tersebut sebagai ejen/wakilnya dalam tempoh kempen PRU-15 bagi Parlimen Kuala Terengganu.

[45] Keterangan responden dikatakan tetap kekal utuh dan tidak dapat dipatahkan ketika disoal balas oleh peguam pempetisyen.

PRINSIP UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI DALAM KES INI

[46] Di bawah s 10 AKPR, terdapat sembilan keadaan yang ditakrifkan sebagai 'penyogokan':

10 Penyogokan

Orang yang berikut hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan menyogok:

(a) *tiap-tiap orang yang, sebelum, semasa atau selepas sesuatu pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya, memberikan, meminjamkan, atau bersetuju untuk memberikan atau meminjamkan, atau menawarkan, menjanjikan, atau*

berjanji untuk mendapatkan atau berusaha untuk mendapatkan, apaapa wang atau balasan bernilai kepada atau untuk manamana pemilih atau pengundi, atau kepada atau untuk mana-mana orang bagi pihak mana-mana pemilih atau pengundi atau kepada atau untuk mana-mana orang lain, bagi mendorong mana-mana pemilih atau pengundi supaya mengundi atau tidak mengundi, atau yang secara rasuah melakukan apa-apa perbuatan yang disebut terdahulu oleh sebab pemilih atau pengundi itu telah mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana pilihan raya;

(b) tiap-tiap orang yang, sebelum, semasa atau selepas sesuatu pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya, memberikan atau mendapatkan, atau bersetuju untuk memberikan atau mendapatkan, atau menawarkan, menjanjikan, atau berjanji untuk mendapatkan atau berusaha untuk mendapatkan, apa-apa jawatan, kedudukan atau pekerjaan kepada atau untuk mana-mana pemilih atau pengundi, atau kepada atau untuk mana-mana orang bagi pihak mana-mana pemilih atau pengundi, atau kepada atau untuk mana-mana orang lain, bagi mendorong pemilih atau pengundi itu supaya mengundi atau tidak mengundi, atau yang secara rasuah melakukan apa-apa perbuatan yang disebut terdahulu oleh sebab mana-mana pemilih atau pengundi telah mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana pilihan raya;

(c) *tiap-tiap orang yang, sebelum, semasa atau selepas sesuatu pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya, memberikan apa-apa pemberian, pinjaman, tawaran, janji, pemerdapatan, persetujuan yang disebut terdahulu kepada atau untuk mana-mana orang bagi mendorong orang itu supaya mendapatkan atau berusaha untuk mendapatkan mana-mana orang dipilih, atau untuk mendapatkan undi mana-mana pemilih atau pengundi dalam mana-mana pilihan raya*;

(d) tiap-tiap orang yang, sama ada sebelum atau semasa sesuatu pilihan raya, apabila menerima atau oleh sebab mana-mana pemberian, pinjaman, tawaran, janji, pemerdapatan, atau persetujuan itu, mendapatkan atau mengaku janji, berjanji atau berusaha untuk mendapatkan mana-mana orang dipilih, atau untuk mendapatkan undi mana-mana pemilih atau pengundi dalam sesuatu pilihan raya;

(e) *tiap-tiap orang yang, sama ada sebelum atau semasa sesuatu pilihan raya, mendahulukan atau membayar atau menyebabkan supaya dibayar apa-apa wang kepada, atau untuk kegunaan, mana-mana orang lain dengan niat supaya wang itu atau mana-mana bahagiannya dibelanjakan sebagai sogokan dalam mana-mana pilihan raya atau yang dengan diketahuinya membayar atau menyebabkan dibayar apa-apa wang kepada mana-mana orang bagi menjelaskan atau membayar balik apa-apa wang yang keseluruhannya atau sebahagiannya telah dibelanjakan sebagai sogokan dalam mana-mana pilihan raya itu*;

(f) tiap-tiap pemilih atau pengundi yang, sebelum atau semasa mana-mana pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau

melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya, menerima, bersetuju, atau membuat kontrak untuk mendapatkan apa-apa wang, pemberian, pinjaman, atau balasan bernilai, jawatan, kedudukan atau pekerjaan, untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain, kerana mengundi atau bersetuju untuk mengundi atau kerana tidak mengundi atau bersetuju untuk tidak mengundi dalam mana-mana pilihan raya itu;

(g) tiap-tiap orang yang, selepas mana-mana pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya, menerima apa-apa wang atau balasan bernilai oleh sebab manamana orang telah mengundi atau tidak mengundi atau telah mendorong mana-mana orang lain supaya mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana pilihan raya itu;

(h) tiap-tiap orang yang, selepas sesuatu pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya, oleh sebab dan sebagai bayaran kerana mengundi atau telah mengundi atau kerana bersetuju atau telah bersetuju untuk mengundi mana-mana calon dalam sesuatu pilihan raya, atau oleh sebab dan sebagai bayaran kerana dia telah membantu atau bersetuju untuk membantu mana-mana calon dalam sesuatu pilihan raya, memohon kepada calon itu, atau kepada ejen atau ejen-ejennya, untuk mendapatkan pemberian atau pinjaman apaapa wang atau balasan bernilai, atau untuk mendapatkan janji mengenai pemberian atau pinjaman apa-apa wang atau balasan bernilai atau untuk mendapatkan apa-apa jawatan, kedudukan atau pekerjaan atau untuk mendapatkan janji mengenai apa-apa jawatan, kedudukan atau pekerjaan; dan

(i) tiap-tiap orang yang, sama ada sebelum atau semasa sesuatu pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang bagi pihaknya, bagi mendorong mana-mana orang lain supaya bersetuju untuk dinamakan sebagai seorang calon atau supaya tidak menjadi seorang calon atau supaya menarik diri jika dia telah menjadi seorang calon, memberikan atau mendapatkan apa-apa jawatan, kedudukan atau pekerjaan, atau bersetuju untuk memberikan atau mendapatkan atau menawarkan atau berjanji untuk mendapatkan atau berusaha untuk mendapatkan apa-apa jawatan, kedudukan atau pekerjaan, kepada atau untuk orang lain itu, atau memberikan atau meminjamkan, atau bersetuju untuk memberikan atau meminjamkan, atau menawarkan, atau berjanji untuk mendapatkan atau berusaha untuk mendapatkan apa-apa wang atau balasan bernilai kepada atau untuk mana-mana orang atau kepada atau untuk orang lain itu, atau kepada atau untuk mana-mana orang bagi pihak orang lain itu.

[47] Dakwaan pempetisyen di dalam kes dihadapan mahkamah ini tertumpu kepada perbuatan yang dinyatakan di s 10(a), (c) dan/atau (e) yang membawa kepada kesimpulan bahawa:

Responden telah secara langsung dan/atau tidak langsung melalui dirinya sendiri dan/atau ejen-ejennya memberikan sogokan berbentuk wang kepada beberapa pengundi berdaftar di dalam Parlimen Kuala Terengganu.

[48] Berhubung konsep 'penjamuan' sepertimana yang dinyatakan di bawah s 32(a) AKPR, s 8 AKPR mentakrifkan definisi 'penjamuan' sebagai:

> 8 Penjamuan
>
> Tiap-tiap orang yang, secara rasuah, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain, sama ada sebelum, semasa atau selepas sesuatu pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung memberikan atau mengadakan atau menyebabkan supaya diberikan atau diadakan, atau yang menyertai hal memberikan atau mengadakan itu, atau yang membayar atau mengaku janji akan membayar kesemuanya atau sebahagiannya, belanja bagi memberikan atau mengadakan apa-apa makanan, minuman, makanan atau minuman ringan atau bekalan, atau apa-apa wang atau tiket atau apa-apa cara atau tipu daya lain untuk membolehkan apa-apa makanan, minuman, makanan atau minuman ringan atau bekalan didapatkan, bagi atau untuk manamana orang bagi maksud untuk mempengaruhi secara rasuah orang itu atau mana-mana orang lain supaya memberikan atau tidak memberikan undinya dalam pilihan raya itu atau oleh sebab mana-mana orang itu atau mana-mana orang lain telah mengundi atau tidak mengundi atau akan mengundi atau tidak akan mengundi dalam pilihan raya itu, dan tiap-tiap pemilih atau pengundi yang, secara rasuah menerima atau mengambil apa-apa makanan, minuman, atau makanan atau minuman ringan atau bekalan itu atau mana-mana wang atau tiket itu atau yang menggunakan apa-apa cara atau tipu daya lain itu untuk membolehkan makanan, minuman, makanan atau minuman ringan atau bekalan itu didapatkan bersalah atas kesalahan menjamu.

[49] Pempetisyen dalam kes ini turut mendakwa bahawa, responden telah secara langsung dan tidak langsung melalui dirinya sendiri dan ejen-ejennya telah mengadakan suatu penjamuan bagi mempengaruhi pengundi-pengundi di dalam Parlimen Kuala Terengganu untuk mengundi responden.

ELEMEN-ELEMEN YANG PERLU DIBUKTIKAN OLEH PEMPETISYEN

[50] Kedua-dua barisan peguam di dalam kes ini telah merujuk kepada kes *Manogaran Marimuthu v Sivaraj a/l Chandran* [2018] MLJU 1973; [2018] 1 LNS 2062, Hakim Azizah Nawawi (kini HMR) telah memutuskan seperti berikut:

> [14] Under s 32(c), the petitioner is to prove any of the following elements:
>
> (a) that a corrupt practice or illegal practice was committed in connection with the election by the candidate; *or*
>
> (b) that a corrupt practice or illegal practice was committed with the candidate knowledge or consent; *or*

(c) *that a corrupt practice or illegal practice was committed in connection with the election by any agent of the candidate.*

...

[17] Therefore under s 32(c) of Act 5 read with s 10, the petitioner is to prove the following elements:

(a) that before, during or after an election, either

(i) the respondent by himself or indirectly, or

(ii) by another person with the respondent's knowledge or consent

(b) either

(i) gives money to an elector or voter (s 10(a)),

(ii) gives money to any person (s 10(c)), or

(iii) advances or pays or causes to be paid any money to any person (s 10(e))

(c) for the following purpose:

(i) in order to induce the recipient of that money to vote or refrain from voting in the election (s 10(a));

(ii) in order to induce the recipient of that money to procure or endeavour to procure the election of the respondent (s 10(b)), or

(iii) with intent that such money or any part thereof shall be expended in bribery at any election (s 10(e)).

[18] For the purpose of this EP, the issues to be decided by this court (in respect of corrupt practice) are whether before the Election:

(i) *whether any person, directly or indirectly, by himself or by any person on his behalf gives any money to any elector or voter*; and

(ii) *that the monies were given to the voter to induce the voter to vote or refrain from voting, procure the election of the respondent or such money or any part thereof shall be expended in bribery*.

[19] In respect of se 32(c) of Act 5, whether the corrupt practice was committed in connection with the election by the candidate or with his knowledge or consent, or by any agent of the candidate

[51] Berdasarkan pembacaan kepada peruntukan s 32(c) dan s 10 AKPR dan juga prinsip yang digariskan di dalam kes *Manogaran*, saya berpendapat bahawa elemen-elemen berikut mesti dibuktikan oleh pempetisyen:

(a) bahawa responden sama ada secari peribadi ataupun melalui ejennya telah memberikan rasuah kepada pengundi yang mengundi di dalam Parlimen KT: rujuk s 10(a) AKPR; atau

(b) bahawa rasuah tersebut diberikan bagi tujuan untuk mempengaruhi pengundi-pengundi yang terlibat untuk mengundi responden bagi

Parlimen KT: rujuk s 10(c) AKPR; atau

(c) bahawa rasuah tersebut diberikan oleh ejen responden dengan pengetahuan ataupun kebenaran responden: rujuk s 10(e) AKPR.

Pengertian 'ejen' di bawah ss 32(c) dan 10 AKPR

[52] Bagi tujuan ini, saya merujuk kepada penghakiman Raja Azlan Shah H (sepertimana Al Marhum ketika itu) di dalam kes *Ali Amberan* yang menyatakan:

> It is not disputed that the order to print the offending cards was given by Enche Kamaruddin. In that sense Enche Kamaruddin caused those cards to be printed by Messrs Jenson Press. Messrs Jenson Press were his 'agents'. *If it could be shown that the respondent and Enche Kamaruddin had a common interest or 'partners or joint-adventurers' in 'causing' the cards to be printed, the fact that Messrs Jenson Press were the 'agents' of Enche Kamaruddin would render them also the 'agents' of the respondent as would make the latter liable for 'causing' those cards to be printed.* (See *Kelly's Directories Ltd v Gavin & Lloyds* [1902] 1 Ch 631, 634).
>
> What is a common interest must in the last analysis depend upon the circumstances of each case. *A case of common interest is where an agent pursues an act for the benefit of his principal. In that context it is said that both the principal and the agent have a common interest in the subject matter of the act. This point revolves itself into a nice question as to the meaning of 'agency' in election law.*
>
> English parliamentary election law has been the source from which our election law is modelled and therefore it will not be incorrect for this Court to receive from it the inspiration and guidance in interpreting our law, in particular the rules and tests laid down in English cases with regard to 'agency'. In English election law the definition of 'agency' has been given a very wide scope and two quotations from English judges would suffice to show clearly the relationship:
>
> *By election law the doctrine of agency is carried further than in other cases. By the ordinary law of agency a person is not responsible for the acts of those whom he has not authorised, or even for acts done beyond the scope of the agent's authority … But if that construction of agency were put upon acts done at elections, it would be impossible to prevent corruption. Accordingly a wide scope has been given to the term*'. (See *Wakefield case* [1874] 2 O'Mal & H 102).
>
> In *Taunton case* [1869] 1 O'Mal & H 181, 182 Blackburn J remarked:
>
> > *The rule of law has long been established that in parliamentary matters we are not to consider the strict rule of common law agency … it has long been established that where a person has employed an agent for the purpose of procuring his election, he, the candidate, is responsible for the act of that agent in committing corruption, though he himself not only did not intend it or authorise it but even bona fide did his best to hinder it.*
>
> *It will thus appear that the law of agency in English election matters goes so far that a candidate may be made responsible even for acts done by the agent in defiance of his instructions.*

In India too wherever the question of agency has arisen, reference to English election law has been made with approval and the rule of extended scope of agency has been followed. *Thus an 'agent' includes not only a person who has been specifically engaged by the candidate or his election agent to work for him at the election but also a person who does in fact work and whose services have been accepted by the candidate.* (see *Nani Gopal Swami v Abdul Hamid Chaudhary* 19 ELR 175).

In the case where a candidate has been set up by a party, that party and members and officials thereof have been held to be the candidate's agents because by agreeing to stand as a candidate of that party, he must be deemed to have agreed to the party and its prominent members working to promote his election. (See *Triloki Singh v Shivrajwati Nehru* 15 ELR 234). *In that case it was further held that if a Minister who is a prominent member of the Congress, works actively for the success of a party candidate, with the knowledge and approval of the candidate, he can be treated as agent of the candidate.* In *Amritsar South (Sikh) Constituency, 1937* [1937] Doabia (I) 92 it was held that *the publication of posters by a prominent member of a party who sets up the respondent as a candidate was by an agent of that candidate. In Southern Towns (Mahammadan)*, 1949 [1949] Doabia (I) 310 the respondent had contested on the Muslim League ticket. *The League and its secretary were held to be agents of the respondent in arranging meetings and processions. In Sudhir Laxman v. SA Dange* 17 ELR 373*it was held that election committee members of a party forming an election committee for propaganda purposes must be deemed to be the agents of the candidate.*

Inspired and guided by English and Indian election law I take the view that the rule of extended scope of agency holds good in our election law; any other view would tend to make it impossible to preserve the purity and freedom of elections. Accordingly a candidate at an election is responsible for the acts of agents who are not and would not necessarily be agents under the common law of agency. Therefore a political party and its prominent members who set up the candidate and with his consent, either expressly or by necessary implication, sponsor his cause and work actively to promote his election, may aptly be regarded the 'agents' of the candidate for election purposes.

[53] Berdasarkan keputusan di atas, mahkamah ini berpandangan bahawa ahli-ahli sesuatu parti politik yang mempunyai matlamat bersama (*common interest*) untuk memenangkan seseorang calon di dalam pilihan raya boleh dikatakan sebagai ejen kepada calon yang bertanding di pilihanraya berkenaan. Dalam kes ini, ahli-ahli parti PAS yang terlibat dan dikenal pasti boleh dikategorikan sebagai ejen kepada responden.

[54] Di dalam kes di hadapan saya, pertuduhan sogokan yang dilakukan oleh ejen kepada responden bukan hanya melibatkan penyokong yang merupakan ahli biasa parti PAS tetapi turut melibatkan ahli parti PAS yang memegang jawatan tinggi di dalam PAS Kawasan Kuala Terengganu.

BEBAN PEMBUKTIAN DAN TAHAP PEMBUKTIAN KES

[55] Adalah satu prinsip undang-undang yang mantap dan jelas bahawa sesuatu petisyen pilihan raya yang berasaskan dakwaan bersifat jenayah,

memerlukan pempetisyen membuktikan dakwaan serta alegasi yang diperincikan pada tahap melampaui keraguan munasabah. Prinsip ini telah dihuraikan dengan jelas oleh penghakiman Raja Azlan Shah J (sepertimana Almarhum DYMM Tuanku ketika itu) di dalam kes *Ali Amberan v Tunku Abdullah*:

> Now an allegation of corrupt practice is of a quasi -criminal nature in as much as a finding of corrupt practice entails penal consequences. The onus is on the petitioner to prove it beyond reasonable doubt by evidence which is clear and unambiguous.

[56] Prinsip yang sama juga telah diputuskan dalam kes *Gurdial Singh Nijar v KS Balakrishnan* [1993] 2 CLJ 75:

> *The onus is on the petitioner to prove corrupt practice viz. bribery beyond reasonable doubt by evidence which is clear, unequivocal and unambiguous.*

[57] Di dalam kes *Audrey Karen Barry v Datuk Dr Yee Moh Chai* [2009] 3 MLJ 141; [2010] 3 CLJ 660, Arifin Zakaria HBM turut mengesahkan prinsip beban pembuktian yang dinyatakan di dalam *Ali Amberan*:

> [24] Moving to the next pertinent issue canvassed before us that is the question of the burden and standard of proof required in a case of this nature. *It is settled law that it is for the appellant/petitioner to establish a prima facie case before the respondent is required to answer*. This is clearly expressed in the judgment of Raja Azlan Shah J (as His Highness then was) in the case of *Ali Amberan v Tunku Abdullah* [1970] 2 MLJ 15b; [1969] 1 LNS 6 said as follows:
>
> > Now an allegation of corrupt practice is of a quasi-criminal nature in as much as a finding of corrupt practice entails penal consequences. The onus is on the petitioner to prove it beyond reasonable doubt by evidence which is clear and unambiguous.

[58] Pandangan yang sama juga dirumuskan dalam kes *Ustaz Akmal bin Hj Kamaruddin v Dato Mohamad Daud bin Mohd Yusoff & Anor* [2014] 9 MLJ 841; [2013] 9 CLJ 924:

> (3) In an election petition, any allegation of bribery, general or specific, must be stated with clarity and certainty. *The facts pleaded must be such that if established by viva voce evidence, would be sufficient to prove to the SATISFACTION OF THE ELECTION JUDGE that the offence of corrupt practice had been committed beyond any reasonable doubt.*

[59] Berdasarkan nas-nas di atas, saya turut merumuskan bahawa adalah mandatori bagi pempetiyen di dalam kes ini untuk membawa keterangan yang mencukupi bagi memuaskan hati saya sebagai hakim Mahkamah Pilihan Raya bahawa perbuatan rasuah telah dilakukan melampaui batas keraguan munasabah.

ANALISA DAN DAPATAN MAHKAMAH BERHUBUNG KES PEMPETISYEN

[60] Berikut adalah analisa dan dapatan mahkamah ke atas keterangan yang telah dikemukakan oleh pempetisyen berdasarkan setiap dakwaan semasa perbicaraan.

Penjamuan di Hotel Sumai, Kuala Terengganu pada 13 November 2022 melalui Majlis Makan Malam Deepavali

[61] Berdasarkan keterangan yang telah dikemukakan, saya berpuas hati bahawa pempetisyen telah membuktikan bahawa:

(a) telah terdapat penjamuan (rujuk s 8 AKPR) dan pemberian wang di majlis tersebut kepada pengundi-pengundi berdaftar;

(b) penjamuan dan pemberian wang tersebut adalah bagi tujuan meraih undi. responden sendiri telah berkempen di majlis ini:

(c) transkripsi ucapan responden dikemukakan kembali seperti berikut:

A

		Menteri, takde sorang, kita Cuma ada Timbalan sahaja. Tuan-tuan mahu tak supaya di Terengganu ini ada menteri? (12.38)
Audience	:	Mahu
Datuk	:	Mahu tak?
Audience	:	Mahu
Datuk	:	Kementerian saya adalah
Datuk:	:	Kementerian saya adalah satu daripada 30 kementerian. Ada 3 kementerian yang mencatat KPI 100%, maknanya Menteri dan Timbalan Menteri berprestasi tinggi dari Kementerian saya termasuk Timbalan Menteri adalah dianggap sebagai mempunyai prestasi tinggi. Saya yakin sekiranya tuan-tuan sekali lagi mengundi dan memilih parti Islam seMalaysia maknanya saya lagi, insyaAllah dengan apa ni, restu tuan-tuan dan juga sekiranya diizinkan oleh parti saya, Parti Islam seMalaysia, saya boleh bersama dengan [illegible] (13.32)
Audience:	:	*tepuk tangan*
Datuk:	:	saya rasa saya tak perlu ulas banyak tentang prestasi bagaimana gerak kerja saya sepanjang saya menjadi ahli Parlimen adalah menjaga kebajikan, melaksanakan pembagunan. Ini telahpun menjadi pengetahuan, kalau yang tak tahu tolong bagitahu, saya rasa ramai yang sudah tahu. Dalam tempoh 4 tahun ini saya telah membelanjakan tak termasuk projek-projek pembagunan yang saya bawa masuk. Banyak, antara lain pembagunan 24 juta, ECER 10 juta, dan sebagainya. Ini atas saya sahaja sebanya 15.75 juta, yang merangkumi pelbagai sektor, membantu mereka yang miskin, pendidikan, kesihatan, infrastructure dan macam macam lagi telahpun saya laksanakan (14.27) Dulu saya tak pandai, saya cuma tahu dari segi peruntukan yang diberi kepada saya. Tahun kedua saya jadi Timbalan Menteri saya mula tahu rupanya ada banyak jalan lain lagi untuk dapatkan sumber kewangan untuk menjalankan pelbagai kerja-kerja pembagunan melalui rangkaian. Saya ni jenis suka bersahabat, saya mempunyai kawan-kawan yang menjadi Menteri, Timbalan Menteri di Kementerian yang lain. Jadi cara itu kita dapat memperoleh banyak peruntukan. Saya rasa sekiranya sekali lagi saya berada di penggal 2, saya tahu macam mana untuk mendapat [illegible] ni kebaikan kita bersama di Kuala Terengganu (15.08)
Audience:	:	*tepuk tangan*

B

C

D

E

F

G

H

I

Datuk:	:	Walaupun saya takde suara, kalau diberi panjang lagi saya pegang mikrofon ni, saya akan terus bercakap 2 jam 3 jam tak habis, jadi [illegible] (15.26)
Audience:	:	Boleh
Datuk:	:	boleh atau tidak?
Audience:	:	Boleh
Datuk:	:	terima kasih
Audience:	:	*tepuk tangan*

Rujuk P14A di ms 62–67 Ikatan B.

(d) responden mempunyai pengetahuan berhubung penjamuan dan pemberian wang tersebut. Fakta ini diakui oleh responden ketika pemeriksaan balas (rujuk ms 388 NOP):

> P/P: *Saya katakan kepada YB, program majlis makan malam anjuran exco kerajaan negeri Terengganu telah digunakan oleh YB sebagai platform untuk kempen bagi parti PAS yang mana YB mewakili dia sebagai calon? Setuju atau tidak?*
>
> S/R 3: *Ya. Setuju.*

[62] Saya juga berpuas hati bahawa ejen yang dikatakan melakukan pemberian rasuah dan jamuan telah dikenal pasti dan dibuktikan (rujuk takrif 'ejen' sepertimana yang telah dihuraikan terdahulu rujuk perenggan [52] hingga [54] di atas). Ejen-ejen ini adalah SP15 dan YB Dato Hanifah:

B. Penyogokan di PASTI Al-Huda, Jalan Sulaiman pada 19.11.2022

C. Penyogokan di SK Gong Tok Nasek pada 19.11.2022

D. Penyogokan di SK Pusat Kuala Ibai pada 19.11.2022

[63] Bagi insiden-insiden pemberian wang di atas, walaupun terdapat keterangan yang menunjukkan terdapatnya pemberian wang berunsur rasuah bagi tujuan mempengaruhi undi pengundi-pengundi yang telah memberi keterangan, saya mendapati bahawa identiti individu-individu yang memakai purdah, yang memakai jaket berlogo parti PAS dan kopiah yang mana didakwa merupakan ejen kepada responden adalah samar memandangkan, identiti ejen-ejen ini tidak dibuktikan dengan sewajarnya (rujuk *Ti Chuee Hiang v Public Prosecutor* [1995] 2 MLJ 433), adalah dapatan saya bahawa dakwaan rasuah di ketiga-tiga pusat mengundi yang dinamakan tidak dibuktikan.

Penyogokan melalui bantuan i-Belia dan i-Siswa

[64] Di bawah tajuk ini, pempetiyen mendakwa bahawa kesalahan rasuah telah dilakukan di lima tempat yang berbeza:

(a) Majlis Penyerahan i-Belia di Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam pada 17 November 2022;

(b) Majlis Penyerahan i-Belia Dewan Terbuka JHEAT pada 14 November 2022;

(c) Majlis Penyerahan i-Siswa di Restoran Matahari pada 18 November 2022;

(d) Majlis Penyerahan i-Belia di dan i-Siswa di Hotel Permai Inn pada 17 November 2022; dan

(e) Majlis Penyerahan i-Siswa di Kondo Rakyat Darul Iman pada 16 dan 17 November 2022.

[65] Bagi dakwaan penyogokan terbesar ini, mahkamah berpuas hati bahawa:

(a) terdapat pemberian wang kepada pengundi-pengundi berdaftar. Fakta ini dibuktikan oleh penerima wang iaitu SP8, SP9 dan SP10. Selain daripada itu, ianya juga diakui oleh ahli-ahli Yang Berhormat seperti SP11, SP12, SP13 dan SP14 yang dipanggil sebagai saksi;

(b) SP11, SP12, SP13 dan SP14 merupakan ejen responden berdasarkan tindak tanduk mereka sepertimana yang disenaraikan di dalam Jadual di perenggan [42] penghakiman ini. Pada saya, tidak ada sebarang kemusykilan tentang identiti ejen-ejen ini; dan

(c) pemberian wang tersebut pada ketika itu adalah bagi tujuan memancing dan/atau mempengaruhi pengundi-pengundi berdaftar untuk memilih calon parti PAS iaitu responden. Ini dibuktikan melalui saksi-saksi yang hadir di program-program yang dianjurkan dan juga dari gambar-gambar yang telah dikemukakan;

(d) bahawa walapun majlis-majlis berkenaan merupakan majlis rasmi kerajaan negeri Terengganu dan wang yang diberikan telah diluluskan oleh MMKN, ianya telah dihulurkan semasa tempoh berkempen dan juga digunakan bagi tujuan meraih undi. Pemberian ini tidak akan menjadi satu kesalahan jika tidak dibuat semasa tempoh berkempen pilihan raya. Dalam pembuat keputusan ini saya mengambil pendekatan sepertimana yang dilakukan di dalam kes *Ali Amberan*, di mana mahkamah telah membezakan situasi ketika keadaan bukan pilihan raya dan situasi ketika berhadapan dengan pilihan raya (rujuk perenggan [52] di atas); dan

(e) tidak ada sebarang dokumen yang menunjukkan bilakah tarikh akhir wang i-Belia dan i-Siswa perlu dibayar sebelum akaun Perbendaharaan Negeri Terengganu ditutup yang memastikan ianya dibayar pada tarikh ketika tempoh berkempen.

[66] Berdasarkan dapatan di atas, saya perlu meneliti pembelaan yang dikemukakan oleh responden bagi menangani dakwaan:

(a) penjamuan dan pemberian wang di Hotel Sumai; dan

(b) majlis pemberian dana i-Belia dan i-Siswa.

Analisa dan dapatan atas pembelaan dan hujah responden

[67] Adalah merupakan hujah responden bahawa terdapat lompang dalam keterangan yang dikemukakan berdasarkan kegagalan pempetisyen memberikan keterangan menyebabkan mustahil baginya memenuhi beban membuktikan kes ini ke tahap melampaui keragauan yang munasabah (rujuk kes *Jaafar bin Shaari & Anor (suing as administrators of the estate of Shofiah bte Ahmad, deceased) v Tan Lip Eng & Anor* [1997] 3 MLJ 693; [1997] 4 CLJ 509dan *Takako Sakao (f) v Ng Pek Yuen (f) & Anor* [2009] 6 MLJ 751; [2010] 1 CLJ 381).

Dapatan mahkamah

Hujah ini adalah tersasar. Mahkamah mendapati bahawa tidak ada keperluan untuk pempetisyen dipanggil. Narratif kes pempetisyen adalah jelas. Tambahan pula, fakta kes menunjukkan bahwa pempetisyen tidak berada di tempat-tempat kejadian yang dinyatakan. Dalam keadaan yang sedemikian, mana mungkin pempetisyen memberi keterangan yang bersifat dengar cakap ataupun 'hearsay' (rujuk s 60 Akta Keterangan 1950).

[68] Responden juga menghujahkan bahawa enam program rasmi bagi i-Belia dan i-Siswa merupakan program rasmi Kerajaan Negeri Terengganuyang sah melalui punca kuasa Enakmen Perbekalan Terengganu 2022 yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri dan/atau Exco melalui agensi-agensi Kerajaan Negeri Terengganu. Program-program ini secara sendiri bukanlah satu subjek sogokan ataupun rasuah pilihanraya dalam konteks Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5). Responden langsung tidak terlibat dalam penganjuran bahkan tidak pernah dirujuk, dirundingi serta tidak mengetahui langsung tentang program-program tersebut:

Dapatan mahkamah

Bagi saya, hujah yang dikemukakan di atas gagal menjelaskan bagaimana dan kenapa responden dijemput hadir ke majlis-majlis tersebut sedangkan tidak ada jawatan dalam pentadbiran Negeri Terengganu. Dalam keadaan di mana

terdapat gambar-gambar responden berdiri di hadapan bersama barisan pemimpin Kerajaan Negeri dan bersalam-salaman dengan para hadirin, saya membuat dapatan bahawa majlis tersebut turut bermotifkan untuk menyediakan satu platform bagi membolehkan responden dan parti PAS berkempen untuk meraih undi bagi tujuan pilihan raya yang akan berlangsung dalam beberapa hari sahaja lagi.

Adalah jelas juga kepada saya bahawa semasa majlis-majlis ini:

(a) terdapat penyebaran bahan bercetak bagi tujuan politik;

(b) terdapat pemberian ucapan meraih undi; dan

(c) penggunaan sampul surat yang bukan dari Kerajaan Negeri.

Selain daripada itu, syarat penerimaan wang mestilah berdasarkan syarat bahawa penerima ataupun pemohon mestilah pengundi berdaftar di Negeri Terengganu sedangkan syarat ini tidak dituntut semasa bajet bagi tujuan i-Belia dan i-Siswa diluluskan oleh MMKN.

Akhir sekali, jika benar wang tersebut mesti dibayar di antara 30 Oktober 2022 hingga 30 November 2022, wang tersebut masih boleh dibayar selepas tarikh pilihan raya yang jatuh pada 19 November 2022. Dalam konteks ini, s 10 AKP tidak memberikan pengecualian bahawa wang yang diperuntukkan dan diluluskan melalui pembentangan bajet kerajaan boleh diedarkan semasa kempen pilihan raya berbanding dengan wang yang tidak diluluskan sedemikian.

Maka saya merumuskan bahawa program i-Belia dan i-Siswa yang telah dijalankan semasa tempoh berkempen PRU ke-15, adalah satu usahasama untuk membantu responden memenangi kerusi Parlimen Kuala Terengganu melalui sogokan.

[69] Berhubung Majlis Makan Malam Deepavali di Hotel Sumai Kuala Terengganu pada 13 November 2022, responden menghujahkan bahawa ianya merupakan program tahunan Kerajaan Negeri Terengganu yang dianjurkan oleh pejabat Menteri Besar Terenggau dengan kerjasama Exco Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita & Keluarga dan Perpaduan Nasional. Penganjur majlis ini: Dr Balachandran merupakan Pegawai Khas Hal Ehwal Bukan Islam kepada YAB Menteri Besar Terengganu. Program ini adalah satu bentuk keraian dan penghargaan Kerajaan Terengganu kepada penganut-penganut agama Hindu di samping memberikan dana sumbangan kepada pihak yang berkenaan. Program ini juga dianjurkan berdasarkan Bajet Kerajaan Negeri Terengganu. Tambahan pula, tiada apa-apa pliding ataupun keterangan mana-mana saksi di sepanjang perbicaraan yang menunjukkan perbuatan rasuah/sogokan dan penjamuan dilakukan oleh responden sendiri:

Dapatan mahkamah

Berhubung hujah yang dikemukakan ini, perlu saya nyatakan bahawa tidak terdapat sebarang bukti bahawa majlis ini merupakan satu program rasmi kerajaan. Ketiadaan jata negeri Terengganu pada papan layar atau 'backdrop' dewan berkenaan sepertimana yang dihujahkan oleh peguamcara pempetisyen adalah amat jelas. Kehadiran responden yang hadir dan diberikan pentas untuk berucap sedangkan responden tidak memegang sebarang jawatan dalan Kerajaan Negeri Terengganu juga tidak menyokong hujah ini.

Selain daripada itu, jemputan kepada para hadirin seperti SP6 pula dibuat secara informal iaitu melalui panggilan telefon. Jikapun ianya benar merupakan satu program kerajaan, keterangan yang ada dengan jelas menunjukkan bahawa pemberian wang kepada pengundi-pengundi berdaftar telah dilakukan bagi tujuan meraih undi.

[70] Responden turut menhujahkan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu tidak boleh dikategorikan sebagai termasuk dalam definisi 'every person' sepertimana yang diperuntukkan di bawah s 10(a), 10(c) dan 11(1)(b) Akta 5, memandangkan peruntukkan-peruntukkan tersebut hanya terpakai kepada individu yang merupakan orang perseorangan sahaja:

Dapatan mahkamah

Hujah ini gagal mengambil kira bahawa Kerajaan Negeri Terengganu tidak boleh bertindak secara sendiri tetapi melalui individu-individu seperti SP11, SP12, SP13 dan SP14. Dalam keadaan sedemikian, saya tidak bersetuju dengan hujah ini.

[71] Responden juga menghujahkan bahawa pempetisyen telah gagal membuktikan alegasi bahawa individu-individu yang dikatakan terlibat dalam pemberian wang kepada orang awam yakni saksi-saksi pempetisyen merupakan agen kepada responden berdasarkan fakta bahawa tidak terdapat bukti perlantikan mereka sebagai agen responden (rujuk keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Wan Sagar bin Wan Embong v Harun bin Taib* [2008] 6 MLJ 473; [2019] 1 CLJ 457). Pempetisyen di dalam kes ini telah gagal memplidkan elemen perlantikan dan hubung kait (*employment*):

Dapatan mahkamah

Pertama sekali, saya menyatakan bahawa hujah di atas gagal sama sekali mengambil kira elemen matlamat bersama ataupun 'common interest' yang dihuraikan dalam kes *Ali Amberan.*

Keduanya, walaupun kes *Wan Sagar* adalah satu keputusan Mahkamah Persekutuan, ianya merupakan satu kes berhubung satu permohonan 'striking out' di mana petisyen yang difailkan tidak langsung mempunyai butir-butir lantikan ejen. Ianya amat berbeza dengan kes di hadapan saya yang mana keterangan *viva voce* telah dipanggil untuk menunjukkan hubung kait ahli-ahli

tertinggi PAS Kawasan Kuala Terengganu dengan responden.

[72] Pempetisyen telah gagal membuktikan elemen niat dan elemen janji yang mempengaruhi daripada pihak yang memberi rasuah/wang sogokan (*inducement*):

Dapatan mahkamah

Tidak ada keperluan untuk membuktikan bahawa janji untuk memberikan wang ataupun pemberian wang sendiri mempengaruhi penerima wang. Apa yang penting adalah fakta pengundi telah didorong untuk mengundi (rujuk s 10(a)), dalam kes ini untuk parti PAS dan responden. Sama ada penerima wang mengundi mengikut kehendak pemberi bukan merupakan apa yang perlu dibuktikan mahupun diambil kira oleh mahkamah.

Pendekatan yang sama boleh dilihat dalam petikan keputusan kes *Manogaran* yang dirujuk di bawah:

> *Strictly speaking, it is unnecessary to prove inducement to vote for a political party. It is sufficient if it is proved that money was given in order to induce the elector to vote.*
>
> *In determining whether there had been bribery the court will always look to the essence of the transaction whether the act was done with a view to influencing a voter in relation to his vote. The intention of a person against whom a charge of bribery is made must be proved and this may be established from his acts and other circumstances of the case.* As Bucknill J observed in *Kingston-upon-Hull* 6 O'M & H 89:
>
> > But people must be judged according to the inferences which people of common sense have to draw from their acts and words ...
> >
> > You cannot allow a man to say 'I did not intend to do that which amounted to bribery' if when you look at all the things which he did, and all the things which he said, there is only one conclusion to draw, which is the natural inference, and that is that he has done that which he said he did not intend to do ...

Kredibiliti pempetisyen

[73] Peguamcara responden telah menghujahkan bahawa keterangan responden dikatakan tetap kekal utuh dan tidak dapat dipatahkan ketika disoal balas oleh peguam pempetisyen:

Dapatan mahkamah

Hujah ini adalah tidak tepat sama sekali. Ketika pemeriksaan balas responden telah sebanyak tiga kali cuba menafikan bahawa beliau telah berkempen semasa Majlis Makan Malam Deepavali di Hotel Sumai (rujuk ms 388–394 nota prosiding).

Namun begitu, apabila mahkamah mengarahkan supaya video ucapan responden dimainkan, responden malu alah. Tindakan ini dengan sendirinya menjejaskan kredibiliti responden.

Dari segi takrif ejen, responden mengambil pendekatan yang cetek apabila menyatakan bahawa beliau hanya mempunyai seorang ejen sahaja bagi tujuan PRU-15 iaitu Ustaz Mohd Kamal bin Ali.

Tetapi bagi tujuan berkempen, responden mengakui bahawa terdapat ramai orang yang berkempen untuk beliau. Ini termasuklah YB Dato Tengku Hassan bin Tengku Omar (SP11), YB Muhammad Khalil bin Abdul Hadi (SP13) dan YB Ahmad Shah bin Muhammad (SP14).

Responden juga mengambil pendekatan bahawa tindakan memberikan wang kepada pengundi-pegundi berdaftar bukanlah merupakan satu perbuatan rasuah kerana wang tersebut tidak diberikan oleh pempetisyen sendiri.

Sebaliknya, responden menyatakaan bahawa beliau hanya mengambil kesempatan untuk berkempen di majlis-majlis yang diadakan kerana tahu terdapat ramai orang di sana.

Tidak mungkin responden tahu akan program-program tersebut tanpa dimaklummkan oleh ejen-ejen beliau. Apatah lagi, bagaimanakah responden boleh tampil ke hadapan bersama para pemimpin kerajaan negeri tanpa diundang oleh pemimpin-pemimpin ini. Hakikatnya, pemimpin parti telah bekerjasama dengan responden untuk memastikan kemenangan di PRU-15 dengan cara yang menyalahi peruntukan AKPR.

RUMUSAN

[74] Berdasarkan dapatan yang dinyatakan di atas, saya berpuas hati bahawa pempetisyen telah membuktikan melampaui batas keraguan munasabah kesalahan rasuah di bawah s 10(a), (c) dan (e) AKPR. Maka saya mendapati bahawa perbuatan rasuah telah dilakukan di bawah s 32(a) dan 32(c) AKPR.

[75] Ekoran daripada dapatan ini, sepertimana yang diperuntukan di bawah s 36(1) AKPR, saya mengisytiharkan bahawa pilihan raya bagi Parlimen Bahagian Kuala Terengganu (P.036) yang dijalankan pada 19 November 2022 adalah tidak sah dan terbatal.

[76] Seterusnya, saya akan memperakukan keputusan petisyen ini kepada Suruhanjaya Pilihanraya dan melaporkan bahawa perbuatan rasuah telah berlaku dengan pengetahuan responden bagi tujuan untuk mempengaruhi para pengundi untuk mengundi. Sungguhpun begitu, saya tidak akan

menyarankan supaya responden dihalang daripada menjadi calon atau pengundi untuk sebarang tempoh berdasarkan fakta bahawa tidak terdapat sebarang bukti yang mrenunjukkan bahawa wang rasuah yang terlibat adalah datang daripada responden sendiri. Malah, keterangan yang ada menunjukkan bahawa wang yang terlibat merupakan wang Kerajaan Negeri Terengganu sendiri yang telahpun diperakukan untuk dihulurkan kepada keseluruhan rakyat Negeri Terengganu.

KOS PROSIDING

[77] Setelah mendengar hujah ringkas dari kedua-dua pihak, saya berpandangan bahawa kos yang wajar bagi tindakan ini adalah sebanyak RM50,000 (RM27,000 bagi perbicaraan yang berjalan selama sembilan hari dan RM23,000 bagi tujuan penyediaan hujah) tertakluk kepada alokatur.

Perintah sewajarnya.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar